

MODUL KERTAS 3 JPN SARAWAK 2019

PENGENALAN

1. a) MAKSUD/ DEFINISI/ KONSEP PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Pembinaan negara dan bangsa Malaysia bermula sejak tahun 1957 dan masih berterusan hingga ke hari ini. Usaha ini memerlukan perkongsian bijak antara kaum dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sosial. Semua pihak samada pemimpin atau rakyat perlu berganding bahu merealisasikan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan maju bagi menghadapi era globalisasi dan cabaran abad ke-21.

Konsep bangsa merujuk kepada sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan atau dengan kata lain warganegara sesebuah negara. Konsep bangsa Malaysia merupakan konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang berlainan Bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan. Bangsa Malaysia telah dibentuk melalui penggunaan satu Bahasa kebangsaan serta pengamalan kebudayaan kebangsaan dan rukun negara dalam setiap bidang kehidupan.

b. DEFINISI/MAKNA/PENGERTIAN/MAKSUD KONSEP NEGARA BANGSA

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, negara merujuk kepada suatu komuniti yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh kerajaan manakala frasa bangsa merujuk kepada suatu komuniti yang mempunyai identiti budaya, fahaman, agama dan bahasa tersendiri. Tuntasnya, konsep negara bangsa dilihat sebagai bangsa idaman yang diimpikan oleh sesebuah negara melalui konsep satu bangsa, satu identiti. Secara ilmiahnya, konsep ini menjurus kepada sebuah negara yang berdaulat dengan rakyatnya hidup bersatu padu tanpa dipisahkan oleh sentimen perkauman, keturunan, agama, bahasa, budaya, wilayah dan sebagainya yang dilihat boleh membawa kepada perpecahan.

Konsep negara bangsa juga merujuk kepada masyarakat dalam sesebuah negara hidup dalam keadaan yang bersatu padu tanpa berlaku sebarang diskriminasi dan pepecahan. Rakyat negara mestilah berkongsi pegangan kepada suatu ideologi yang sama dan yakin terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara.

2. LATAR BELAKANG PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Sistem politik masyarakat Melayu tradisional berbeza daripada sistem politik negara moden pada hari ini. Dalam masyarakat Melayu tradisional telah muncul kerajaan dan kemunculannya disebabkan oleh adanya raja. Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan. Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik dan menjadi keselamatan rakyat yang mendiami wilayah kekuasaannya. Sebagai balasan, rakyat yang mendiami wilayah yang diperintah oleh raja akan menerima dan mengakui kekuasaan raja. Kesetiaan rakyat terhadap rajanya menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah oleh raja tersebut. Kerajaan yang kuat akan menakluk atau menaungi kerajaan yang lemah untuk mengembangkan empayarnya. Contohnya Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak negeri taklukan dan naungan.

3. CIRI-CIRI NEGARA BANGSA (MS 73)

Proses pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah berasaskan kepada empat ciri utama iaitu negara, bangsa, kerajaan dan perlembagaan. Negara ialah wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwibawa. Negara Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Negara juga merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.

Bangsa merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah serta yang mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah. Idea bangsa kini sering digunakan oleh negara kita untuk melahirkan perasaan bersatu padu di kalangan rakyat yang berbilang kaum demi membentuk bangsa Malaysia yang kukuh.

Kerajaan ialah institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara. Kerajaan atau institusi pemerintah ini merangkumi semua badan yang membuat, mentafsirkan dan melaksanakan dasar-dasar tersebut. Kerajaan juga bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara. Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan, iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman.

Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sebuah negara. Di Malaysia, perlembagaan merupakan peraturan bertulis tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara. Perlembagaan bertujuan memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini.

4. CIRI-CIRI NEGARA BANGSA DALAM KMM/ ASAS PEMBENTUKAN N.B DALAM KMM(MS 75)

Setiap negara mempunyai wilayah iaitu kawasan tempat tinggal rakyat dan sempadannya yang diterima umum. Wilayah pengaruh merujuk kepada kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan pengaruh wilayah yang luas iaitu meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh Sumatera.

Ciri seterusnya ialah kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. Kedaulatan merujuk pada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah yang boleh menggubal dan menguatkuasakan undang-undang. Pada zaman KMM kedaulatan dirujuk terus kepada raja yang memerintah yang mewakili negeri atau kawasan pemerintahan.

Ciri seterusnya ialah lambang negara yang merupakan simbol atau tanda yang menjadi identity negara. Contohnya Bahasa Melayu merupakan Bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa. Sistem pemerintahan beraja, adat istiadat melayu, Bahasa melayu dan agama islam merupakan warisan yang dikekalkan sejak zaman KMM hingga hari ini.

Ciri seterusnya ialah keunggulan undang-undang dalam pemerintahan. Penguatkuasaan Undnag-undang merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan. Undnag-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat. Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, Bahasa, agama dan kerakyatan di terima oleh masyarakat. Pada zaman KMM terdapat dua undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Ciri seterusnya ialah rakyat yang merupakan seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah yang terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut. Pada zaman KMM, rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah dengan sedia mempertahankan negara menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong royong, kerahan tenaga dan sebagainya.

Ciri yang terakhir ialah kerajaan yang merupakan badan yang diberi kuasa mengurus pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatic dengan negara lain. Pada zaman KMM, raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing iaitu di istana, di darat, di laut, disekitar Melaka dan dijajahan takluk Melaka. Sistem Pembesar Empat Lipatan menjadi kesentosaan sistem pemerintahan beraja dan kerajaan di Melaka.

5. MALAYAN UNION : USAHA PEMBINAAN NEGARA BANGSA OLEH PENJAJAH/ CABARAN, HALANGAN, KEKANGAN, MASALAH AWAL PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Malayan Union

Pembentukan Negara Bangsa selepas Perang Dunia Kedua di negara kita bermula dengan pengenalan Malayan Union oleh pihak British pada tahun 1946 yang merupakan usaha British untuk menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak zaman KMM. Sebelum itu, British telah menjalankan dasar menerima negeri Melayu, Raja Melayu, orang Melayu, adat istiadat Melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu sebagai budaya Tanah Melayu.

Dalam pembentukan Malayan Union kerajaan British telah memberikan persediaan kepada Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri. British juga menginginkan pentadbiran yang licin dan menjimatkan kos. British juga berhasrat membentuk sebuah bangsa Malayan Union supaya golongan pendatang dapat melupakan negara asal mereka dan menumpukan taat setia kepada Malayan Union supaya dapat memajukan dan menjamin penguasaan ekonomi

British di Tanah Melayu. Selain itu, pihak British berhasrat untuk mengurangkan kuasa politik orang Melayu.

Pembentukan Malayan Union telah mengubah sistem pentadbiran lama yang berpecah-pecah kepada sistem yang berpusat di bawah penjajahan British. Hal ini memudahkan British menyeragamkan dasar pentadbiran, kehakiman, keselamatan, politik dan ekonomi tanah Melayu bagi kepentingan imperialismenya. Tindakan British ini bertentangan dengan dasar perlindungan sebelum ini telah membangkitkan kemarahan orang Melayu.

6. REAKSI/ PENENTANGAN/ TINDAKAN PENDUDUK TERHADAP USAHA PENJAJAH MEMPERKENALKAN MALAYAN UNION/ TANTANGAN TERHADAP PEMBINAAN NEGARA BANGSA OLEH PENJAJAH

Pelbagai reaksi penduduk Tanah Melayu muncul apabila Malayan Union diperkenalkan. Orang Melayu menentang penghakisan kuasa raja-raja Melayu, pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang dan mereka bimbang akan kehilangan warisan tamadun apabila Malayan Union dilaksanakan.

Reaksi seterusnya ialah terdapat golongan yang menyokong Malayan Union iaitu orang dagang dan orang Melayu radikal yang bersetuju dengan dasar yang menyatukan negeri-negeri Melayu menjadi sebuah unit politik untuk melicinkan pentadbiran. Mereka juga menyokong dasar sama rata Malayan Union yang menghapuskan hak perlindungan kepada orang Melayu. Malayan Union juga telah mengekalkan kerakyatan asal golongan orang dagang.

Bantahan Orang Melayu terhadap Malayan Union dibuat dalam pelbagai tindakan seperti menyuarakan bantahan dalam akhbar Utusan Melayu. Mereka juga mengadakan demonstrasi, kemudian menghidupkan persatuan Melayu, menghantar telegram dan menghantar surat bantahan ke pejabat tanah jajahan London, mengadakan kongres persatuan Melayu, menubuhkan UMNO dan mengadakan rapat umum. Bantahan terhadap Malayan Union melibatkan raja-raja Melayu, pembesar Melayu dan rakyat.

Langkah tegas orang Melayu telah mendorong British memulakan rundingan dengan raja-raja Melayu dan UMNO. Hasilnya Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah dibentuk. Kesimpulannya Malayan Union telah menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan status quo mereka. UMNO merupakan banteng perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union dan akhirnya British bersetuju mengadakan rundingan raja-raja Melayu bagi membentuk sistem politik dan pentadbiran yang lebih baik. Ini membuktikan bahawa perpaduan kebangsaan telah terbentuk dalam kalangan masyarakat pada masa itu.

7. HAK/ MARUAH/ KEDUDUKAN NEGARA BANGSA DIKEMBALIKAN MENERUSI PTM 1948/ KEJAYAAN AWAL KONSEP NEGARA BANGSA

Persekutuan Tanah Melayu

Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 1 Februari 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Perjanjian Malayan Union. Perjanjian ini ialah hasil desakan orang Melayu yang menuntut British supaya mempertimbangkan pendapat dan kehendak mereka dalam sebarang perubahan politik di Tanah Melayu. Perjanjian ini juga menunjukkan kejayaan orang tempatan menentang penjajahan British terhadap Tanah Melayu.

British telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Eksekutif yang dianggotai oleh dua belas orang ahli. Mereka terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan Raja – Raja Melayu. Mereka telah mengadakan mesyuarat di King's House, Kuala Lumpur. Selain itu, mereka turut mengadakan pelbagai tindakan seperti ceramah politik, demonstrasi dan mogok. Mereka turut mencadangkan sebuah perlembagaan iaitu Perlembagaan Rakyat. Untuk berlaku adil British bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perunding bagi mendapatkan pandangan mereka dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara Raja – Raja Melayu dengan British di King's House, Kuala Lumpur. Dengan perjanjian ini, pada 1 Februari 1948 Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan rasmi. Perjanjian ini mempunyai ciri – ciri penting yang menjadi asas pentadbiran negara selepasnya.

Ciri – ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan sebelas buah negeri. Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Selain itu, konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan. Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri juga turut dibentuk. Pesuruhjaya Tinggi British bertanggungjawab menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.

8. PENAMBAHBAIKAN USAHA PEMBINAAN NEGARA BANGSA OLEH PENJAJAH/ LATIHAN BEKERJASAMA ANTARA KAUM DI DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA MENERUSI SISTEM AHLI DAN PAKATAN MURNI.

a) Sistem Ahli (Pengenalan)- (Bab 5, halaman : 117)

Sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain untuk menerajui pentadbiran negara. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar dalam perbincangannya dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan supaya model negara Kenya Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu

Cadangan ini adalah selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi

Pihak British berpendapat Sistem Ahli akan mengurangkan tekanan daripada pihak Parti Komunis Malaya.

Sistem Ahli dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja dalam satu rundingan telah diadakan King's House, Kuala Lumpur. Sir Henry telah menjemput Dato' Onn Jaafar (Yang Dipertua UMNO), Dato' Hamzah Abdullah, Raja Uda dan Dato Nik Ahmad Kamil yang mewakili UMNO dan juga orang Melayu, Dato' E.E. C Thuraisingam mewakili kaum India serta Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Keng yang mewakili masyarakat Cina. Mereka telah bersetuju dengan pendekatan Sistem Ahli.

b) Ciri-ciri dan pelaksanaan Sistem Ahli (Buku Teks hal : 117 - 119)

Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955 iaitu sebelum Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955. Ciri – cirri Sistem Ahli ialah satu sistem Kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk. Anggota Sistem Ahli dikenali sebagai ahli. Contohnya, Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri. Pelantikan ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu. Sistem Ahli terdiri daripada 9 orang anggota iaitu 5 orang penduduk Tanah Melayu. Daripada 5 penduduk Tanah Melayu, 3 orang Melayu, seorang Cina dan seorang India dan 4 orang pegawai Inggeris. Ahli-ahlinya diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

Dalam sistem ahli, ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan. Ahli-ahli akan mengurus pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada. Ahli juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Ahli akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam menyediakan cadangan undang-undang itu. Pesuruhjaya Tinggi juga akan memberikan arahan dan persetujuan tentang undang-undang yang telah dicadangkan. Pada kebiasaannya, cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

c) Kepentingan Sistem Ahli (Buku Teks halaman : 119)

Kepentingan Sistem Ahli adalah sebagai tapak asas untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Sistem ini memulakan proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum yang terdapat di negara ini. Perkara ini merupakan asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Sistem Ahli juga memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh British.

9. PAKATAN MURNI (BUKU TEKS HAL : 119)

a) Maksud/Konsept/Definisi/Pengertian Pakatan Murni

Pakatan Murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan dan

masalah yang tersendiri. Pakatan murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

b) Pakatan Murni PraPerikatan (Langkah – langkah Pakatan Murni)

Langkah pertama ialah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang.

Pada peringkat permulaan, CLC dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu iaitu Melayu dan Cina. Orang Melayu yang bernaung di bawah UMNO diketuai Dato' Onn Jaafar, orang Cina dinaungi oleh Persatuan Cina Malaya atau Malayan Chinese Association (MCA) yang diterajui oleh Tan Cheng Lock. Pada bulan Ogos 1949, CLC dianggotai oleh 6 orang pemimpin Melayu, 6 orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah. Penubuhan CLC adalah titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. Hal ini merupakan satu pendekatan baru dalam arena politik Persekutuan Tanah Melayu. Menurut Dato' Onn Jaafar, perpaduan antara kaum patut menjadi asas kemerdekaan yang akan dicapai. Hasil daripada perundingan UMNO-CLC, beberapa perkara telah dipersetujui. Antaranya ialah penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada bulan Oktober, 1950. Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar Bandar terutamanya kaum Melayu. Pengerusi pertamanya ialah Dato' Onn Bin Jaafar. Kerakyatan negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Pilihan Raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Langkah kedua ialah pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu seperti yang dicadangkan oleh Dato' Onn Jaafar pada 1951. Beliau telah dikecam hebat kerana asyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO.

Langkah ketiga ialah penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independence Malaya Party (IMP). Dasar IMP mengikut Dato' Onn Jaafar akan menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti. IMP terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato Onn Jaafar menyedari perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu. Kerakyatan negeri 1951 tidak lagi menjadikan orang Melayu sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu sebaliknya orang bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu. IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India, dan kaum-kaum lain di Tanah Melayu.

Langkah keempat ialah penubuhan Persidangan Kebangsaan pada bulan Februari 1953 oleh Sir Malcom MacDonald di King's House, Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhan persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dato Panglima Bukit Gantang menjadi pengerusinya dan beliau disokong oleh beberapa orang Menteri Besar. Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama Malayan Chinese Association (MCA). Konvensyen ini disertai oleh pelbagai parti dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

10) KEJAYAAN/ BUKTI KERJASAMA ANTARA KAUM DITERIMA OLEH PENDUDUK/RAKYAT.

a) Pilihan raya Bandaran Negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan.

Kerjasama UMNO-MCA terbentuk apabila British menyuarakan akan mengadakan Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur. Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor telah disahkan oleh Dato' Yahya Abdul Razak dan Ong Yoke Lin. Kerjasama ini akhirnya membawa kepada penubuhan Parti Perikatan yang dianggotai oleh parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC. British telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan beberapa orang pegawai tinggi British. Parti Perikatan telah menyertai pilihan raya Majlis perundangan Persekutuan (MPP) yang diadakan pada 27 Julai 1955.

Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya ini adalah untuk mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan pendidikan, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Dalam pilihan raya itu, Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan yang amat cemerlang oleh Parti Perikatan telah membolehkan Tunku Abdul Rahman, Ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet. Anggota kabinet yang ditubuhkan terdiri daripada pelbagai kaum dan berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai. Selepas kemerdekaan, terdapat sedikit perubahan dari segi keanggotaan ahli kabinet.

b) Suruhanjaya Reid (Buku Teks halaman : 125 - 126)

Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac, 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya ini dianggotai oleh Lord Reid (Pengerusi), Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (Australia), Tuan B. Malik (India), dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan). Tugas suruhanjaya ini adalah untuk merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.

Beberapa isu menjadi panduan suruhanjaya ini. Antaranya ialah pembentukan Kerajaan Pusat yang kuat dan pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu. Suruhanjaya ini juga mengambil kira isu kedudukan Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu juga diberi perhatian. Suruhanjaya ini telah menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak mengenai Raja-raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan politik. Cadangan Parti Perikatan diutamakan. Cadangan – cadangan Suruhanjaya Reid diterbitkan pada bulan Februari 1957. Parlimen British menerima cadangan tersebut pada bulan Mei, 1957. Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkannya pada 17 Ogos 1957. Hasilnya, lahirlah Perlembagaan Kemerdekaan lahir pada 1957.

Satu isu hangat ialah kerakyatan *jus soli*. Kerakyatan ini menjadi tuntutan orang dagang tetapi tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Hal ini demikian kerana prinsip kerakyatan *jus soli* memberikan hak sama rata kepada semua kaum boleh melemahkan kedudukan orang Melayu. Selepas berunding, Raja-raja Melayu telah menerima kerakyatan

Jus soli dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan Istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Antara lain yang dipersetujui ialah agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dengan tolak ansur ini, maka satu pakatan murni antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

c) Persekutuan Tanah Melayu 1957 (Buku Teks halaman : 127 – 130)

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja – Raja Melayu dan British pada 15 Ogos, 1957. Perjanjian ini telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Antara isi pentingnya termasuklah Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan, pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri.

Selain itu, institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara. Tiga jenis kerakyatan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi. Oleh itu jus soli diterima. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan, agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, Tanah Simpanan Melayu dikekalkan, Bahasa Melayu bahasa kebangsaan. Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. Pentadbiran demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen. Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran negeri, beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.

**d) Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
(Buku Teks halaman : 128 – 130)**

Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah membolehkan kerajaan demokrasi yang berkonsepkan Raja Berperlembagaan dibentuk. Selain itu, ia juga merupakan satu penerusan kepada pembinaan negara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan berperundangan. Seterusnya, ia memaparkan kepentingan pakatan Murni dalam mencapai persetujuan antara kaum. Perjanjian ini juga telah memberi hak mutlak kepada penduduk tempatan mentadbir negara berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri, mencerminkan identiti masyarakat yang merdeka dengan mengenyepikan perbezaan warna kulit, agama, bangsa dan negara asal. Akhir sekali, ia memaparkan kebijaksanaan pemimpin tempatan merundingkan kemerdekaan negara & membincangkan isu yang rumit dan sensitif.

**11) PEMANTAPAN/ PENGUKUHAN/ PEMBINAAN NEGARA BANGSA
MELALUI PEMBENTUKAN MALAYSIA**

a) Latar belakang idea pembentukan Malaysia. (m/s 137)

Idea pembentukan Malaysia mula diperkenalkan pada awal abad ke-19. Cadangan pertama pembentukan Malaysia dikemukakan oleh Lord Brassey pada tahun 1887 seorang

Pengarah Syarikat Borneo Utara. Beliau mencadangkan Sarawak dan Sabah digabungkan dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat. Pada tahun 1948 Sir Malcom MacDonald iaitu Gabenor Jeneral Asia Tenggara mencadangkan pembentukan Malaysia. Ideanya mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada tahun 1956 Dato' Onn Ja'afar mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia. Pendapat beliau suatu masa nanti British akan menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Pemimpin Singapura terdiri daripada Lim Yew Hock, David Marshall dan Lee Kuan Yew mendesak British supaya berunding dengan Tuanku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja.

Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Tuanku Abdul Rahman kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk. Pada 27 Mei 1961 Tuanku Abdul Rahman mencadangkan pembentukan Malaysia dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura. Harapan beliau dengan pembentukan Malaysia dapat menjamin satu kedudukan politik yang lebih kukuh dan disegani di rantau ini. Dengan ini kerjasama ekonomi dan sosial dapat diwujudkan.

b) Faktor – faktor Pembentukan Malaysia (m/s 138)

i)Faktor Politik

Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia kerana bimbang pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura pada tahun 1961. Kemenangan Barisan Sosialis melemahkan parti People's Action Party (PAP) pada masa depan. Perkembangan ini membimbangkan kerana mungkin menggugat rancangan British memberi kemerdekaan kepada Singapura. Barisan Sosialis dianggap oleh Lee Kuan Yew sebagai gerakan berhaluan kiri.

Ancaman komunis juga sebagai alasan Lee Kuan Yew mendesak British menggabungkan Singapura dengan dan Persekutuan Tanah Melayu. Persekutuan Tanah Melayu diharap dapat membantu kerana berpengalaman membentaskan pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) semasa darurat (1948-1960). Terdapat ancaman komunis di Sarawak yang diperjuangkan oleh Clandestine Communist Organization (CCO) yang bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis. Masalah ancaman komunis merupakan faktor terpenting mendorong Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea pembentukan Malaysia. Kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia diharap dapat menjadi benteng yang kukuh menghadapi ancaman komunis.

Penubuhan Malaysia mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei kerana masih belum mampu berkerajaan sendiri. Penyertaan ke dalam Malaysia akan menjamin kemerdekaan lebih awal kerana Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun di samping dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Penubuhan Malaysia merupakan proses dekolonisasi. British terhadap negeri-negeri kecil yang belum

membangun. Dengan penubuhan Malaysia hampir semua negara di Asia Tenggara telah merdeka. Dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1960 telah timbul usul agar tanah-tanah jajahan dimerdekakan.

Pembentukan Malaysia diharapkan dapat memberikan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara kerana dapat menghalang pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo. British perlu mengambil langkah-langkah ke arah memastikan kepentingan mereka terus terkawal terutamanya pangkalannya di Singapura.

ii)Faktor Ekonomi

Penubuhan Malaysia dapat mewujudkan satu pasaran yang lebih luas bagi menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian. Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini. Tanah melayu kaya dengan bahan mentah seperti getah dan bijih timah, balak di Sarawak dan Sabah serta minyak di Brunei.

iii)Faktor Sosial

Dapat mengimbangi jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalingan negara anggota dengan gabungan semua negara tersebut. Dapat memajukan negara anggota yang belum merdeka seperti Sarawak dan Sabah. Juga mempelihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura untuk memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama.

b) Reaksi pembentukan Malaysia.(m/s 141)

i)Reaksi Dalam Negeri

Rakyat Persekutuan Tanah Melayu menganggapny sebagai satu usaha murni untuk membantu memimpin negara-negara anggota. Kebanyakan parti politik di Tanah Melayu menyokong idea ini tetapi terdapat perbezaan pendapat tentang pelaksanaan. Parti Islam Setanah Melayu (PAS) dan Barisan Sosialis mencadangkan supaya idea ini dirundingkan terlebih dahulu dalam kalangan penduduk. UMNO bersetuju penggabungan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa Singapura.

ii)Reaksi Singapura

Lee Kuan Yew dan Partinya PAP menyokong kerana bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri serta ingin mempertahankan kedudukannya. Bulan Disember 1961, Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul penggabungan ini parti pembangkang Singapura iaitu Barisan Sosialis menentang idea ini dengan mengatakan pembentukan Malaysia

merupakan satu penjajahan bentuk baru. Mereka menuntut agar pandangan rakyat Singapura diperoleh terlebih dahulu sebelum menyertai Gagasan Malaysia. Barisan Sosialis disokong oleh Parti Buruh pimpinan David Marshall dan Parti Rakyat Bersatu pimpinan Ong Eng Guan mengesa diadakan pungutan suara. Pengundi-pengundi Singapura memilih penggabungan diadakan.

iii)Reaksi Sarawak dan Sabah

Reaksi Sarawak dan Sabah peringkat awal menolak gagasan Malaysia kerana telah lama berada di bawah pemerintahan British iaitu Sabah selama 60 tahun dan Sarawak melebihi satu abad. Mereka ingin kekal di bawah pemerintahan British kerana belum ada keyakinan untuk memerintah sendiri kerana selama ini peluang mereka dalam politik sangat terhad. Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) ahlinya terdiri daripada orang Cina dan Melayu pimpinan Ong Kee Hui bimbang Sarawak dan Sabah akan dikuasai oleh Persekutuan Tanah Melayu.

Parti PESAKA, SNAP dan UNKO bimbang orang bukan Melayu dan kaum bumputera akan kehilangan identiti dan dikuasai oleh orang Melayu sekiranya menyertai Gagasan Malaysia. Parti-parti ini juga bimbang sumber ekonomi Sarawak dan Sabah akan dikuasai oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau kerajaan pusat. Semua parti politik di Sarawak dan Sabah kecuali BERJASA inginkan kemerdekaan terlebih dahulu sebelum menyertai Malaysia. Parti PANAS, BERJASA dan USNO menyokong Gagasan Malaysia demi kemajuan ekonomi dan sosial

iv)Reaksi Brunei

Pada peringkat awal Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong gagasan Malaysia dan baginda telah membentuk suruhanjaya bagi meninjau pendapat rakyat Brunei. Parti Rakyat Brunei (PRB) di bawah pimpinan A.M. Azahari menentang kerana matlamat parti ini untuk menubuhkan Persekutuan Borneo iaitu kerajaan Kalimantan Utara yang terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Brunei. Anggota PRB menganggap gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme.

A.M.Azhari telah melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang ditubuhkan di beberapa bandar di Sarawak, Sabah dan Brunei. Pemberontakan berlaku apabila Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Brunei dan Sultan Brunei menengguhkan keputusan tentang gagasan Malaysia. A.M.Azhari dan penyokongnya mendapat bantuan dan sokongan dari Indonesia dan Filipina. Pemberontakan yang dilancarkan pada 7 Disember 1962 dapat dipatahkan oleh British A.M.Azhari yang berada di Manila tidak dapat ditangkap dan beliau mendapat perlindungan politik di Indonesia.

c) REAKSI NEGARA LUAR (m/s 146)

i)Reaksi Indonesia

Peringkat awal tiada tentangan dari Indonesia tetapi muncul pada akhir tahun 1962 yang menuduh gagasan Malaysia sebagai neokolonialisme yang mengancam Indonesia. Pandangan Parti Komunis Indonesia (PKI) ini telah mempengaruhi Soekarno mengisytiharkan Dasar Konfrontasi. Dari segi ekonomi dan kemasyarakatan dengan konsep Ganyang Malaysia diumumkan pada 20 Januari 1963 yang bertujuan untuk memusnahkan pembentukan Malaysia.

Antara tindakan Indonesia ialah menghantar pengintip untuk memusnahkan gagasan Malaysia dari dalam secara sulit. Serangan terhadap kapal-kapal nelayan di Tanah Melayu serta pencerobohan udara kepada Tanah Melayu. Tentera Indonesia menyerang Tanah Melayu melalui Johor, Sabah dan Sarawak. Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga. Tetapi tidak berlaku ancaman ekonomi kerana akan menjejaskan Indonesia sendiri

ii)Reaksi Filipina

Presiden Macapagal membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah pada bulan Jun 1962. Filipina mengatakan Sabah milik Kesultanan Sulu berdasarkan perjanjian antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck pada 22 Januari 1878. Filipina telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia tetapi telah mengiktiraf penubuhan Malaysia pada Jun 1966 dengan MAHPHILINDO.

d) Langkah –langkah Pembentukan Malaysia (BT hal : 149 – 152)

i)Lawatan ke Sabah, Sarawak & Brunei

Selepas Tunku Abdul Rahman berucap di Singapura, beliau telah mengadakan lawatan ke Sarawak, Sabah dan Brunei. Tujuannya bagi menerangkan konsep, tujuan dan matlamat Malaysia. Rundingan telah diadakan antara pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura.

ii) Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)

Hasilnya, sebuah Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) telah ditubuhkan di Singapura dan ia dipengerusikan oleh Donald Stephens. Ahli JPPK ialah Tunku Abdul Rahman, Ong Yoke Lin, Khir Johari dari Persekutuan Tanah Melayu, Lee Kuan Yew (Singapura) dan Tun Datu Mustapha Datu Harun (Sabah). JPPK berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia. mengumpul pandangan penduduk dan

menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia. JPPK mengadakan 4 kali mesyuarat iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura. Brunei menghantar pemerhati ketika tiga mesyuarat terakhir. Ahli bersepakat untuk menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold.

iii) Penubuhan Suruhanjaya Cobbold

Suruhanjaya Cobbold disertai oleh tiga orang pegawai British, iaitu Lord Cobbold, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston. Rakyat tempatan yang menyertai suruhanjaya ini ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie. Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia. Suruhanjaya ini ditubuhkan oleh British untuk mempertimbangkan pandangan Sabah & Sarawak untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan baharu. Mereka juga perlu membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British.

Suruhanjaya ini juga menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan. Suruhanjaya ini mengemukakan laporan kepada kerajaan British pada Jun 1962. Menurut laporan Suruhanjaya Cobbold, satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat. Satu pertiga menyokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka harus dilindungi. Satu pertiga lagi ingin kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia

Antara cadangan Suruhanjaya ini; Perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya. Bahasa Melayu bahasa kebangsaan. Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah. Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk. Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.

iv) Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

JAK ditubuhkan pada Ogos 1962 dan dianggotai oleh wakil dari Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah. JAK dipengerusikan oleh Lord Landsdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) dan dibantu oleh Tun Abdul Razak. Kedua-duanya ke Sarawak dan Sabah bagi menerangkan tentang penubuhan Malaysia. JAK bermesyuarat sebanyak 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam persekutuan Malaysia. JAK juga membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah. Menjelang Disember, 1962, Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah bersetuju Malaysia dibentuk pada 31 Ogos 1963.

v) Penubuhan MAPHILINDO & United Nations Malaysia Mission (UNMM)

Ditubuhkan hasil rundingan dalam sidang kemuncak pada 30 Julai, 1963 di Manila. Pembentukan Malaysia pada 31 Ogos, 1963 dipersetujui. Penentangan daripada Indonesia & Filipina masih berterusan. Perjumpaan dan perbincangan diadakan antara tiga ketua kerajaan iaitu Tunku Abdul Rahman, Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal bagi mengurangkan

ketegangan. Hasilnya terbentuklah MAPHILINDO. Perwakilan Malaysia ke UNMM telah dibentuk oleh Setiausaha Agung PBB, U Thant bagi mencari jalan penyelesaian.

Ketiga2 pemimpin tersebut bersetuju mencari jalan penyelesaian dengan meminta bantuan daripada Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB) Perjanjian ini ditandatangani di London pada 9 Julai, 1963, kemudiannya Ratu Elizabeth II memperkenankan Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Britain. Kelulusan Perjanjian Malaysia dibuat oleh Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sarawak dan Majlis Undangan Sabah. Pada 26 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong memperkenankan Akta Malaysia Akta Malaysia memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan yang seterusnya dinamai Malaysia

vi)Perjanjian Malaysia 1963/ Inti Pati Perjanjian Malaysia 1963

Semua urusan hal ehwal luar adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Agama Islam agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan. Bagi Sabah dan Sarawak, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia. Hari Malaysia ialah hari perisytiharan Malaysia pada 16 September 1963. Penetapan tarikh ini berdasarkan keputusan Setiausaha Agung PBB dan dipersetujui oleh kerajaan British, Singapura, Sarawak dan Sabah. Negeri Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam. Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen. Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu.

12. FAEDAH / KEPENTINGAN / KEBAIKAN / MANFAAT DARIPADA PEMBENTUKAN MALAYSIA (1963)

Pembentukan Malaysia telah membawa manfaat daripada aspek keselamatan. Dalam usaha pembentukan Malaysia (semenjak kemerdekaan Tanah Melayu 1957), ancaman komunis menjadi kebimbangan para pemimpin pada masa itu dalam usaha menggabungkan beberapa buah wilayah menjadi sebuah negara baharu. Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa sekiranya Tanah Melayu bergabung dengan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei, maka pengaruh komunis akan kurang menular di beberapa wilayah seperti Singapura dan Sarawak. Sekiranya penggabungan tersebut dapat direalisasikan, pertahanan negara akan menjadi lebih kukuh dan ancaman komunis dapat dikurangkan.

Pada masa yang sama, pembentukan Malaysia pada tahun 1963 akan mewujudkan satu pasaran yang lebih luas bagi menggalakkan pelaburan dan perkembangan insdustri pertanian. Sumber hasil negara akan dapat dimajukan dan diperkaya, manakala negeri-negeri yang kurang maju akan dapat dibangunkan. Sebagai contoh, Tanah Melayu kaya dengan bijih timah, Sarawak dan Sabah pula mempunyai sumber balak, manakala Brunei kaya dengan sumber minyak. Kerjasama serantau akan lebih diperluas ke rantau Asia Tenggara selepas penubuhan Malaysia dilaksanakan.

Dalam pada itu, matlamat penubuhan Malaysia adalah menjadi sebuah negara bangsa yang mempunyai pelbagai kaum tanpa mengira keturunan dan agama. Hal ini kerana faktor penggabungan adalah untuk mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negeri anggota dengan penyertaan Sarawak, Sabah, dan Brunei. Justeru, pembentukan Malaysia 1963 juga memperlihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura untuk memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama.

13. PERANAN TOKOH-TOKOH KEMERDEKAAN (1948 – 1957)

a) Tokoh-tokoh penggerak Persekutuan Tanah Melayu (PTM 1948)

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 melibatkan ramai pemimpin tempatan, pihak British, Raja Melayu dan pemimpin UMNO. Terdapat Sembilan orang Raja Melayu yang terlibat. Mereka telah menyediakan tuntutan dan cadangan yang sesuai untuk menjaga status dan keselamatan rakyat.

Antara sultan yang bersuara tegas ialah Sultan Badlisah (Kedah), Sultan Abdul Aziz (Perak) dan Sultan Ibrahim (Johor). Mereka telah menuntut supaya kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan seperti sebelum tahun 1941. Perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu juga patut dikekalkan. Mereka tidak menolak kehadiran British tetapi menuntut supaya kuasa mereka serta perlindungan kepada orang Melayu dan hal ehwal ketuanan Melayu dipelihara.

Rakyat pula telah diwakili oleh para pembesar yang bertindak sebagai penasihat kepada raja masing-masing. Sebahagian daripada mereka merupakan pemimpin UMNO yang mendukung idea penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Mereka bersama-sama Raja-raja Melayu mencadangkan dan mendesak British melindungi kepentingan orang Melayu berserta Raja-raja Melayu.

Kerjasama mereka telah membolehkan prinsip-prinsip politik, pentadbiran, agama Islam dan bahasa Melayu serta pengekal institusi Raja Melayu berjaya dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Antara tokoh tersebut termasuklah Dato' Onn Ja'afar (Menteri Besar Johor dan juga Yang Dipertua UMNO) dan Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan)

Sikap dan kerjasama dalam kalangan Raja-raja Melayu dan para pemimpin Melayu dalam merealisasikan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengajar kita erti perpaduan dalam sebuah perjuangan. Konsep aur dengan tebing patut menjadi pegangan bersama.

b) Peranan tokoh-tokoh kemerdekaan (PTM 1957)

Kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957 telah diusahakan oleh pemimpin yang berwibawa. Dengan kebijaksanaan mereka, kemerdekaan negara telah dicapai tanpa pertumpahan darah.

Antara tokoh penting itu termasuklah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau merupakan presiden UMNO bagi menggantikan Dato' Onn Ja'afar pada 26 Ogos 1951. Sebagai pemimpin UMNO, beliau telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA yang disertai oleh parti dan persatuan politik yang lain. Beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan juga merupakan ketua Parti Perikatan. Beliau juga telah merupakan ketua rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada bulan Februari 1956.

Tun Abdul Razak, iaitu Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, juga telah memainkan peranan penting. Beliau menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London pada tahun 1956. Beliau juga menjadi perunding dalam menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Selain itu, beliau Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956 yang menggubal sistem pendidikan kebangsaan negara. Laporan itu dikenal sebagai Penyata Razak pada tahun 1957. Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tahun 1970.

Tun H.S. Lee merupakan tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan. Parti ini telah bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957. Bagaimanapun, peranan Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA tidak kurang pentingnya sebagai penyokong Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

Bagi masyarakat India pula, sumbangan mereka dalam menuntut kemerdekaan negara ini ditunjukkan oleh wakilnya, Tun V.T Sambanthan. Beliau merupakan presiden MIC yang telah bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara. Tokoh ini menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara yang kukuh dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.

Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin era awal kemerdekaan negara memang wajar dihargai oleh rakyat Malaysia pada hari ini.

14. DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN: PERANAN TOKOH-TOKOH DALAM MENGGUBAL DASAR PENDIDIKAN KE ARAH MENGUKUHKAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA.

Pada tahun 1955, Kerajaan Perikatan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein selaku Menteri Pelajaran pada masa itu. Penyata Razak 1956 telah mengemukakan dua elemen penting dalam dasar pendidikan yang dianggap dapat menyuburkan semangat perpaduan negara, iaitu persekolahan yang sama bagi semua penduduk dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan.

Antara cadangan Penyata Razak termasuklah penubuhan sekolah umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis umum (rendah) menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar. Sekolah menengah

Melayu pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah menengah Inggeris sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah. Penyata Razak kemudiannya dijadikan Ordinan Pelajaran 1957.

Penyata Razak telah mengemukakan cadangan penting bagi pembentukan bangsa yang bersatu padu melalui dasar pendidikan yang menggambarkan perasaan dan harapan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu.

Pada tahun 1960, sebuah jawatankuasa dipengerusikan oleh Encik Abdul Rahman Haji Talib yang dikenali sebagai Laporan Rahman Talib 1960. Beberapa syor baru telah dicadangkan sebagai tambahan kepada Penyata Razak. Untuk memupuk semangat perpaduan kaum, sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan sementara sekolah jenis umum pula dijadikan sekolah jenis kebangsaan. Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama. Dalam Laporan Rahman Talib telah mengesyorkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan. Syor-syor tersebut telah diterima dan digubal menjadi Akta Pelajaran 1961.

Pada tahun 1965, kajian Aminuddin Baki telah memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan. Sistem persekolahan ini adalah untuk menampung pelajar-pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik. Matlamat sekolah ini termasuklah menawarkan pelbagai kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga mahir dan sebagai persediaan untuk pasaran kerja.

Dasar Pendidikan Kebangsaan penting untuk memupuk perpaduan. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan, adat resam dan agama, pendidikan merupakan faktor utama dalam memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.

15. USAHA PEMBINAAN NEGARA BANGSA SELEPAS KEMERDEKAAN / PEMBENTUKAN MALAYSIA (BAB 7 & 8)

Dasar ekonomi

Antara usaha pembinaan negara dan bangsa selepas kemerdekaan ialah dengan meningkatkan pendapatan sektor ekonomi semua kaum ke tahap maksimum. Ini dilaksanakan melalui pengurusan sumber ekonomi negara yang cekap dan berkesan. Sektor pertanian dan perindustrian dipergiatkan melalui Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional yang matlamat akhirnya membentuk perpaduan kaum. Antara langkah yang dilaksanakan ialah dengan memaksimumkan pendapatan pekebun kecil dan memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport. Pembukaan tanah-tanah baru melalui rancangan Felda juga dilaksanakan untuk memajukan ekonomi masyarakat luar bandar agar jurang ekonomi antara bandar dengan luar bandar terhapus.

Selain itu, usaha pembinaan negara dan bangsa juga dilaksanakan melalui Dasar Pénswastan dan Dasar Penyarikatan Malaysia yang melibatkan sektor swasta dalam pembangunan negara. Ini dilakukan melalui perkongsian kepakaran dalam syarikat. Dalam hal

ini,sektor swasta mengutamakan kepentingan nasional manakala pihak kerajaan memberikan perkhidmatan sokongan. Kerajaan memudahkan perkhidmatan,perusahaan,kepentingan,pelaburan, kuasa tertentu kepada sektor swasta.

Usaha lain yang dilakukan ialah memaksimumkan penglibatan semua kaum dalam sektor ekonomi. Kemudahan sosioekonomi untuk semua kaum disediakan. Dasar berat sebelah dalam komuniti dihapuskan dengan menyediakan peluang ekonomi kepada semua kaum.

Dasar pendidikan

Usaha pembinaan negara dan bangsa melalui dasar pendidikan telah dimulakan sebelum kemerdekaan lagi dengan pengenalan Ordinan Pelajaran 1952 yang mengambil kira Laporan Barnes dan Laporan Fenn Wu. Pada tahun 1956 pula penyata Razak telah diperkenalkan.Penyata Razak pula kemudiaan telah dijadikan Ordinan Pelajaran 1957. Pada tahun 1960, Ordinan Pelajaran telah diperkenalkan berdasarkan laporan Rahman Talib 1960. Seterusnya, berdasarkan kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan pelbagai urusan telah diperkenalkan pada tahun 1965. Jawatankuasa Kabinet pula 1974 pula diperkenalkan pada tahun 1974 untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Usaha lain yang dilakukan ialah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 1982 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)pada tahun 1988. Akhirnya kewujudan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan ini penting untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Dasar sosial

Dalam aspek sosial pula, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan diperkenalkan telah termaktub dalam Perkara 152 Pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja untuk memartabatkan bahasa Melayu tetapi juga untuk menjamin perpsduan rakyat.Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperkukuhkan lagi apabila Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967. Bahasa Melayu juga telah dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah pada tahun 1982 menggantikan bahasa Inggeris.

Selain itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan juga diperkenalkan. Pada tahun 1971.Dasar digubal untuk menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia.Objektifnya ialah untuk memperkukuhkan perpaduan melalui kebudayaan serta memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan.

Dalam aspek sukan pula, di peringkat sekolah sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang amat digalakkan. Majlis Sukan Sekolah-sekolah telah ditubuhkan di peringkat daerah, negeri

dan kebangsaan untuk menggalakan aktiviti sukan. Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) juga diadakan untuk mengeratkan perpaduan antara kaum dan hubungan antara negeri.

16. BUKTI/KEJAYAAN NEGARA BANGSA HARI INI

Apakah kejayaan negara dan bangsa Malaysia yang dapat dibanggakan?

Antara kejayaan yang dicapai hasil pembentukan negara bangsa Malaysia ialah dari segi politik iaitu kewujudan sebuah kerajaan pusat yang mantap hasil gabungan beberapa parti, misalnya sejak tahun 1957 Parti Perikatan memerintah negara hasil gabungan parti UMNO, MCA dan MIC seterusnya diteruskan oleh kerajaan Barisan Nasional sehingga tahun 2018, kemudiannya diteruskan oleh kerajaan Pakatan Harapan hasil gabungan Parti Keadilan Rakyat, Parti Amanah Negara dan Parti DAP.

Selain itu, rakyat Malaysia hidup dalam suasana harmoni dan bersatu padu walaupun berbeza agama, budaya dan adat. Negara kita kekal aman dan damai tanpa peperangan atau rusuhan kaum. Sehubungan dengan itu, imej negara Malaysia dipandang tinggi di mata dunia sekaligus mampu menarik pelancong asing datang ke negara kita.

Malaysia turut terkenal sebagai negara yang mengamalkan kebebasan beragama. Kebebasan ini menjadi antara faktor yang menjamin keharmonian kaum di Malaysia. Rakyat yang beragama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha hidup tanpa prejudis dan saling kunjung mengunjungi apabila tiba hari perayaan masing-masing.

Kejayaan Malaysia terserlah melalui pengamalan prinsip Rukun Negara yang dipupuk sejak zaman prasekolah. Kanak-kanak dari pelbagai aliran persekolahan seperti Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) diterapkan nilai kepatuhan kepada agama dan kesetiaan kepada raja dan negara, serta mengamalkan nilai murni seperti hormat menghormati antara satu sama lain.

Di samping itu, Malaysia turut melahirkan tokoh sukan bertaraf dunia. Peminat sukan dunia sudah pasti mengenali Dato Lee Cong Wee, Datuk Nichol Ann David, Pandalela Rinong dan Azizulhasni Awang yang meletakkan nama Malaysia di persada dunia. Bendera Malaysia yang dibawa oleh mereka ternyata membuktikan ketrampilan pelbagai kaum rakyat Malaysia.

Kejayaan Malaysia memenangi Piala Thomas pada tahun 1992 nyata membuktikan hasil gabungan pemain pelbagai kaum mampu menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Barisan pemain negara yang dibarisi oleh Razif, Jalani, Rashid, Rahman Sidek serta Foo Kok Keong, Cheh Soon Kit, Soo Beng Kiang sudah pasti diingati oleh seluruh warga Malaysia. Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah sukan bertaraf dunia, misalnya Sukan Komanwel 1998 dan Bola Sepak Piala Dunia Remaja tahun 1997 serta Sukan Formula One.

Dari segi penerokaan angkasa lepas, Malaysia turut berjaya melahirkan seorang angkasawan pertama negara iaitu Datuk Dr. Sheikh Muszafar Shukor yang menjadi rakyat Malaysia pertama pergi angkasa lepas.

Selain itu, Malaysia juga berjaya mempunyai sistem pendidikan bertaraf dunia. Kelayakan sijil SPM dan Matrikulasi turut diiktiraf oleh universiti luar negara sekaligus membuka ruang kepada pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di negara berkaitan.

Malaysia juga telah berjaya menganjurkan beberapa persidangan antarabangsa. Malaysia pernah dipilih sebagai tuan rumah Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Ketua Negara-Negara Komanwel (CHOGM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Malaysia turut berjaya menghasilkan kereta buatan tempatan sejak tahun 1985, iaitu Proton Saga dan diikuti jenama Perodua. Kedua-dua jenama tersebut terus berkembang sehingga kini.

17. CABARAN/HALANGAN/MASALAH/KEKANGAN YANG DIHADAPI DALAM PEMBENTUKAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA. [10 markah]

Antara cabaran yang dihadapi dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia ialah pertama, wujudnya parti-parti politik yang berasaskan kaum. Kewujudan parti-parti politik tersebut mengukuhkan sikap memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing dan memperjuangkan semangat perkauman. Contohnya UMNO (Melayu), MCA (Cina), MIC (India), dan PAS (Islam). Hal ini berlaku kerana penubuhan setiap parti-parti politik mempunyai matlamat dan tuntutan yang berbeza.

Cabaran kedua ialah perbezaan agama dan adat resam. Hal ini berlaku disebabkan sikap segelintir masyarakat yang kurang memahami serta tidak menghormati agama dan adat resam kaum lain. Tindakan ini menghalang pergaulan antara pelbagai kaum di Malaysia sekaligus menyukarkan usaha untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum.

Cabaran ketiga ialah penyalahgunaan media sosial. Terdapat individu yang tidak bertanggungjawab memainkan isu-isu yang boleh mewujudkan perbalahan antara kaum. Sebagai contoh, menulis dan menyiarkan isu-isu sensitif serta menghina adat resam dan budaya kaum lain. Tindakan ini boleh menimbulkan kemarahan terhadap mana-mana kaum tertentu.

Cabaran keempat ialah sikap masyarakat yang terlalu mementingkan diri sendiri dan terlalu sibuk mengejar materialistik daripada bergaul dengan jiran tetangga. Situasi ini berlaku disebabkan oleh bentuk kawasan perumahan mewah yang menghalang hubungan sesama jiran. Malah, remaja hari ini lebih gemar melayari laman sosial dan leka terhadap gajet-gajet dan ICT.

Cabaran kelima ialah impak daripada pendidikan vernakular sejak zaman penjajahan British dan masih kekal sehingga kini. Pendidikan vernakular merupakan pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar. Contohnya sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kewujudan sekolah-sekolah vernakular ini menghalang pergaulan antara kaum kerana setiap murid terpisah mengikut sekolah masing-masing dan mereka tidak melalui sistem pendidikan yang sama. Kesannya, tidak wujud interaksi antara mereka sekaligus menyukarkan proses perpaduan kaum.

18. LANGKAH /CARA / USAHA MENGATASI CABARAN DALAM PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA

Antara langkah dan peranan masyarakat Malaysia untuk mengukuhkan pembentukan negara dan bangsa ialah langkah pertama rakyat di negara kita haruslah menghormati agama, adat dan budaya kaum lain. Hal ini dapat dilakukan dengan merayakan sesuatu perayaan bersama-sama dan mengadakan gotong-royong bersama masyarakat pelbagai kaum. Melalui aktiviti masyarakat di negara kita dapat mewujudkan semangat kejiranan yang seterusnya dapat memupuk perpaduan di negara kita.

Langkah kedua ialah masyarakat di negara kita haruslah mengelak daripada menimbulkan isu-isu sensitif antara kaum. Hal ini harus dielakkan daripada berlaku. Sensitiviti kaum ini harus dihormati dan dijaga bagi mempertahankan maruah dan hak kaum lain. Seterusnya, bagi mengeratkan lagi hubungan ini rakyat di negara kita haruslah mengamalkan nilai murni dalam pergaulan seperti tolak ansur dan toleransi dan saling hormat-menghormati untuk memantapkan lagi perpaduan kaum di negara kita.

Langkah ketiga mengatasi cabaran tersebut ialah dengan mempercepatkan kemajuan dan pembangunan negara. Melalui langkah ini secara tidak langsung dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat di negara kita. Selain itu menerusi langkah ini juga pemerintah atau kerajaan haruslah mewujudkan keadilan dalam bidang ekonomi bagi mengelakkan unsur tidak puas hati dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara kita berlaku.

Langkah keempat ialah, masyarakat Malaysia haruslah mengamalkan prinsip Rukun Negara. Melalui langkah pengamalan prinsip rukun negara ini, dapat memelihara corak hidup demokratik dan dapat dijadikan panduan oleh rakyat di negara kita. Seterusnya dalam pengamalan prinsip rukun negara juga dapat membina masyarakat yang adil yang seterusnya masyarakat akan bebas daripada penindasan seseorang terhadap yang lain ataupun penindasan sesuatu golongan terhadap yang lain.

Langkah kelima ialah, rakyat di negara kita haruslah menyanjungi dan mempertahankan perlembagaan di negara kita. Melalui langkah ini, rakyat di negara kita haruslah menerima, mematuhi dan mempertahankan perlembagaan. Selain itu, sekiranya rakyat di negara kita mematuhi dan menyanjungi undang-undang sudah pastinya masalah jenayah dan masalah melakukan kesalahan di sisi undang-undang dapat dikurangkan. Seterusnya, langkah ini sudah pastinya akan dapat mewujudkan negara kita sebuah negara yang aman dan damai.

19. CABARAN DAN LANGKAH UNTUK MEMPERKASAKAN SEMANGAT NASIONALISME

Cabaran pertama yang dihadapi oleh negara ialah wujud **fahaman politik rakyat** Malaysia yang berbeza. Malah ada parti politik yang bertindak agresif untuk mendapatkan sokongan dengan cara yang kasar seperti memburuk-burukkan nama pemimpin. Malahan mereka mencetuskan sentimen perkauman yang boleh menggugat kestabilan politik. Fahaman politik yang berbeza menyebabkan semangat kebangsaan semakin terjejas.

Langkah yang wajar dipraktikkan adalah menerapkan **sikap kesederhanaan serta semangat muhibah** apabila menyampaikan mesej politik demi **menjaga keharmonian semua pihak**. Pemimpin setiap parti haruslah mengingatkan ahli-ahli parti untuk bersikap **tenang dan saling menghormati** antara satu sama lain agar tidak menjejaskan hubungan silaturahmi dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Cabaran kedua pula ialah **pengaruh media cetak dan media elektronik** seperti internet banyak mempengaruhi jiwa generasi masa kini yang banyak membazirkan masa untuk aktiviti yang tidak berfaedah. Generasi masa kini juga terlibat dengan **gejala sosial** seperti penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas antara remaja. Selain itu, generasi masa kini lebih **mementingkan diri sendiri** dan telah **hilang nilai murni** dalam kehidupan mereka. Ini mengakibatkan mereka tidak lagi menghormati orang yang lebih tua daripada mereka.

Langkah yang dilakukan untuk menangani cabaran tersebut ialah **mengadakan kempen mencintai negara** dan menayangkan iklan yang **berunsur cinta akan negara** di media massa. Dengan ini, **kesedaran untuk mengukuhkan unsur jati diri** dalam diri individu tersebut dapat diperkasakan. Aktiviti seperti **mengadakan** pameran berkaitan dengan Sejarah juga dapat memberikan **kesedaran dan pemahaman tentang perjuangan** tokoh kemerdekaan negara lantas memperkasakan nilai patriotisme dalam diri generasi muda.

Cabaran ketiga ialah **kelunturan perasaan cinta akan negara** dalam kalangan generasi muda masa kini. Ini juga disebabkan mereka **tidak memahami konsep Rukun Negara** yang harus dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Generasi muda **leka dengan lambakan hiburan dan pengaruh dari luar** seperti demonstrasi jalanan dan budaya hedonisme yang melalaikan sehinggakan mereka tidak **memahami maksud patriotisme sebenar**.

Maka, langkah yang dapat dilaksanakan adalah semangat ini **dipupuk dalam mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan** di sekolah. Generasi muda haruslah **mengamalkan prinsip Rukun Negara** dalam kehidupan seharian mereka. Untuk memastikan pengaruh luar tidak mempengaruhi generasi muda masa kini, mereka haruslah **mengamalkan kebudayaan kebangsaan**, saling hormat menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama untuk mencapai matlamat kesejahteraan negara.

20. KEBERKESANAN/ KEJAYAAN/BUKTI USAHA KERAJAAN UNTUK MENGEKALKAN KEDAULATAN NEGARA (BESERTA BUKTI /CONTOH)

Antara kejayaan kerajaan untuk mengekalkan kedaulatan negara dapat dilihat dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Dari aspek politik, negara kita telah berjaya menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Buktinya Jabatan pertahanan negara kita telah berjaya menghalang pencerobohan perairan laut di Lahad Datu Sabah. Semangat berani pihak berkuasa negara yang

sanggup berkorban nyawa dalam mempertahankan kedaulatan negara kita, menyebabkan ancaman militan sulu telah dapat ditumpaskan. Sehubungan itu, pencerobohan pihak asing melalui laut dan darat turut ditangani secara bersama oleh pihak berkuasa dan penduduk setempat. Misalnya kehadiran pendatang asing tanpa izin (PATI, kegiatan penangkapan ikan oleh nelayan asing di perairan kita, dan sindiket penyeludupan di sempadan negara, turut menjejaskan imej Malaysia sebagai negara yang berdaulat. Atas kesedaran untuk menjaga kedaulatan negara serta kesejahteraan rakyat, maka masyarakat kita telah bekerjasama dengan pihak untuk membanteras anasir-anasir tersebut secara berleluasa. Tindakan pantas masyarakat kita bekerjasama dengan pihak berkuasa telah membuktikan bahawa semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia tetap utuh demi memelihara keharmonian dan kedaulatan negara.

Dari aspek ekonomi, beberapa kejayaan yang telah di capai kerajaan untuk mengekalkan kedaulatan negara. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah Berjaya mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi perkongsian kekayaan negara. Pengagihan ekonomi yang adil telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Bumiputera. DEB juga Berjaya menghapuskan pengenalan kaum berdasarkan kegiatan ekonomi. Hal ini telah dapat mengikis perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Kejayaan negara dalam bidang perindustrian. telah berjaya mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dalam sektor pengeluaran Perusahaan ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan negara.

Dari aspek sosial, rakyat di negara ini saling bekerjasama dalam mencapai perpaduan kaum. Walaupun negara kita terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, namun tidak wujud rasa perbezaan antara kaum. Rakyat di negara ini juga mendukung prinsip Rukun Negara. Oleh itu tidak lagi wujud perbalahan kaum seperti Peristiwa 13 Mei 1969. Selain itu, rakyat negara ini mempunyai semangat setia kepada raja dan negara. raja adalah simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi. Penderhakaan kepada raja juga bermaksud penderhakaan kepada negara. Buktinya, negara kita masih mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal ini dapat dibuktikan tidak berlaku pergaduhan atau perselisihan antara pemimpin dengan rakyat.

21. USAHA / LANGKAH /CADANGAN UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

PERANAN KERAJAAN

Antara cadangan untuk mempertahankan kedaulatan sesebuah negara ialah kerajaan haruslah **memperkenalkan dasar-dasar kerajaan** untuk dijadikan sebagai teras negara. Kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi. Contohnya, **Dasar Keselamatan Negara dan Dasar Perpaduan Negara** diperkenalkan sebagai dokumen utama dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang semakin kompleks agar kedaulatan negara terus terpelihara.

Kerajaan juga perlulah **memupuk semangat patriotisme dengan memartabatkan lambang-lambang kebesaran negara** seperti bendera, lagu kebangsaan dan jata negara. Malahan Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan mata pelajaran **Sivik dan Kewarganegaraan** agar pelajar mengamalkan nilai-nilai murni untuk membentuk masyarakat yang harmonis. Kerajaan turut mewajibkan pelajar untuk **lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah** dengan harapan supaya pelajar dapat memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping menghargai pejuangan tokoh kemerdekaan negara

Cadangan lain termasuklah kerajaan mengekalkan perpaduan dengan menggalakkan rakyat **menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara** dalam amalan kehidupan seharian. Keutuhan semangat patriotisme dimantapkan dalam kalangan rakyat dengan laungan **slogan semangat Malaysia Boleh**. Akhir sekali semangat nasionalisme rakyat Malaysia dapat dibuktikan menerusi sambutan **Hari Kebangsaan** dan **Hari Malaysia** untuk **mengukuhkan kedaulatan negara di peringkat nasional**.

PERANAN SEKOLAH

Sekolah memainkan peranan yang penting dalam usaha memupuk semangat patriotisme. Bak kata pepatah melentur buluh, biarlah dari rebungunya, semangat patriotisme generasi muda perlulah dibentuk sejak di bangku sekolah lagi. Dalam bidang kurikulum semangat patriotisme telah diterapkan dalam semua mata pelajaran. Misalnya, Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Murid telah diajar tentang proses pembentukan negara serta kepentingan semangat cintakan negara. Malah Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah digabungkan dengan mata pelajaran yang lain untuk melahirkan semangat patriotism.

Dalam acara rasmi sekolah murid-murid telah dilatih untuk menghormati lambang negara, misalnya berdiri tegak semasa lagu Negaraku dinyanyikan serta melafazkan ikrar Rukun Negara dengan penuh semangat. Malah, Bulan Kemerdekaan telah disambut setiap tahun bagi membolehkan murid menghayati makna kemerdekaan serta berusaha mengekalkannya. Pengisian Bulan Kemerdekaan seperti deklamasi sajak, nyanyian lagu patriotik, pameran sejarah dan pertandingan bertemakan kemerdekaan mampu menerapkan semangat patriotik dalam kalangan murid-murid.

Semangat patriotisme juga dapat dipupuk dalam aktiviti kokurikulum. Dalam kegiatan unit beruniform, semangat cinta akan negara telah dipupuk melalui aktiviti kawad kaki, pertandingan, perkhemahan dan kursus kenegaraan. Di samping itu, Kelab Rukun Negara, Kelab Setia serta sukan dan permainan juga merupakan wadah berkesan. Dalam hal ini, murid yang berbilang kaum diajar akan nilai bekerjasama, saling menghormati, bertolak ansur dan semangat berpasukan.

Seterusnya, pihak sekolah memainkan peranan memupuk semangat patriotisme melalui aktiviti berunsurkan perpaduan. Misalnya melalui program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan) dan sambutan perayaan peringkat sekolah, murid akan mengenali kebudayaan kaum yang berbeza serta mengikis prejudis terhadap kaum yang lain. Ringkasnya,

sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

PERANAN DIRI /PELAJAR

Sebagai seorang pelajar saya akan meraikan sambutan Hari Kemerdekaan dengan mengibarkan bendera di rumah dan di sekolah. Saya juga akan mengadakan sambutan ambang kemerdekaan dan menghayati sejarah perjuangan kemerdekaan. Saya selalu bangga akan negara kerana negara kekal merdeka dan berdaulat.

Selain itu, saya akan membuat mural bertemakan sejarah negara. Saya akan melakarkan peristiwa sejarah negara serta mempamerkan peranan tokoh-tokoh negara. Saya akan mengambil iktibar daripada perjuangan tokoh sejarah negara.

Saya akan menyertai lawatan ke tempat bersejarah seperti Muzium, arkib dan memorial. Antara tapak sejarah seperti Kubu A-Famosa, Stadium Merdeka dan Lembah Bujang akan saya lawati. Ini pasti akan menyemarakkan semangat cinta akan negara saya

Saya juga melalui persatuan sejarah mengadakan bual bicara berkaitan sejarah negara. Saya akan menjemput tokoh-tokoh yang banyak berjasa kepada negara seperti bekas Perdana Menteri ; Tun Ahmad Badawi dan tokoh sukan seperti Datuk Lee Chong Wei untuk berbicara tentang semangat juang kisah kejayaan dan cabaran mereka. Pengalaman mereka dapat dikongsi dan secara tidak langsung memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.

22. SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT SEMAKIN LUNTUR DAN LANGKAH MENGATASINYA.

a) Sebab semangat patriotisme semakin luntur

Semangat patriotisme semakin luntur dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana kini teknologi digital memprogramkan minda generasi muda. Mereka leka dengan permainan video, selfie, whatsapp, instagram dan facebook. Mereka tidak mengendahkan persekitaran dan isu semasa negara. Kesannya, masyarakat yang bertemankan telefon dan gajet pintar. telah melahirkan generasi yang materialistik dan mementingkan diri berbanding kepentingan negara.

Semangat patriotisme semakin luntur kerana segelintir masyarakat tidak memahami dan menghayati sejarah negara. Pembelajaran sejarah berakhir di sekolah dan hanya untuk lulus peperiksaan. Sejarah negara dianggap cerita lapuk dan tiada nilai ekonomi. Mereka tidak dapat mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah negara kita. Mereka selalu memperlekeh sejarah dan tidak bangga dengan bangsa dan negara sendiri.

Selain itu, pengaruh budaya negara dari luar seperti Hip hop, k-pop, budaya kuning, hendonisme, punk, seks bebas, dan liberalisme telah melahirkan generasi yang mementingkan hiburan dan keseronokan. Generasi ini menolak warisan budaya bangsa sendiri dan hilang jati diri. Oleh itu semangat patriotisme semakin luntur.

Tambahan pula, semangat patriotisme semakin luntur kerana isu perpaduan yang semakin rapuh. Sikap benci membenci antara masyarakat pelbagai kaum kerana isu perkauman selalu dimainkan. Isu seperti agama, budaya, ekonomi dijadikan bahan politik yang membawa kepada perpecahan kaum. Akibatnya sikap saling menghormati dan bertoleransi semakin hilang. Bibit perpecahan antara kaum menyebabkan semangat cinta akan negara terhakis.

Pengaruh media sosial dan internet dalam kalangan rakyat terutamanya golongan muda yang menyebarkan sesuatu isu dan cepat mempercayainya, contohnya isu berkaitan dengan kepimpinan negara, yang belum terbukti kebenarannya. Ini menimbulkan kebencian terhadap pemimpin khususnya dan negara amnya sehingga terhakis semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat.

b) Isu/ Bukti semangat nasionalisme semakin luntur

Bukti semangat patriotisme semakin luntur dalam kalangan masyarakat ialah terdapat rakyat yang tidak menghormati lambang-lambang negara seperti bendera Kebangsaan dan Lagu Kebangsaan. Mereka memijak, membakar dan menterbalikkan bendera. Ada yang tidak mahu berdiri apabila lagu Negaraku dipermainkan. Tindakan mereka menghina dan memperlekeh negara sendiri jelas menunjukkan semangat patriotisme semakin pudar.

Bukti seterusnya ialah ada rakyat yang memperlekeh raja dan pemimpin negara. Mereka berani mempersoalkan kedudukan Raja-Raja Melayu dengan mengeluarkan tulisan yang kesat dan tidak beradab. Kelakuan memijak, menconteng dan membakar gambar raja dan pemimpin negara jelas menunjukkan semangat patriotisme semakin luntur.

Ada sebilangan kecil rakyat suka memburuk-burukkan negara sendiri di luar negara. Mereka mendakwa negara akan mufli, rasuah berlesuasa dalam kalangan pemimpin negara dan , masyarakat hidup berpecah-belah. Berita ini sering disebar secara meluas melalui media sosial. Tegasnya, tindakan memburuk-burukkan negara sendiri telah menakutkan pelabur dan menjejaskan pelaburan yang menyebabkan ekonomi negara terancam.

Semangat patriotisme semakin luntur kerana ada masyarakat yang bersifat perkauman. Mereka mempersoalkan hak istimewa orang Melayu dan isu sensitif seperti isu agama. Mereka langsung tidak menghormati masyarakat berbilang kaum. Semangat patriotisme semakin luntur kerana kini masyarakat suka terlibat dalam aktiviti demonstrasi jalanan dan tunjuk perasaan. Hal ini menyebabkan kestabilan negara kita tergugat. Tindakan ini mendedahkan negara kita kepada campur tangan kuasa luar yang hanya akan membawa kerugian kepada negara.

c) Cara / Langkah mengatasinya

Langkah yang pertama ialah mengadakan kempen mencintai negara dan memperbanyak iklan patriotik dalam media massa dan elektronik seperti menayangkan iklan yang berunsur cinta akan negara. Dengan adanya kempen ini maka ianya akan memberi kesedaran mereka. Langkah seterusnya ialah mengukuhkan jati diri dalam diri individu tersebut.

Seterusnya ialah merayakan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Hal ini akan menjadikan mereka berinteraksi dengan pelbagai kaum dan ini akan menjadikan mereka lebih serasi antara satu sama lain. Keadaan ini akan menyemarakkan semangat patriotisme. Pameran berkaitan dengan sejarah seperti pameran negara menghadapi darurat diadakan. Hal ini dapat memberi kesedaran dan pemahaman tentang perjuangan yang telah dilakukan untuk mendaulatkan negara dan keadaan ini akan menaikkan nilai patriotisme dalam diri generasi muda masa kini.

Seterusnya semangat cinta akan negara dapat dipupuk dalam mata pelajaran sejarah dan juga mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan di sekolah-sekolah. Generasi muda masa kini haruslah mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian mereka. Untuk memastikan pengaruh luar tidak mempengaruhi generasi muda masa kini, mereka haruslah mengamalkan kebudayaan kebangsaan, saling hormat menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama untuk mencapai matlamat.

Undang-undang mengehadkan penggunaan media massa dan media cetak juga harus diperhalusi lagi supaya sekatan dapat dilakukan terhadap benda-benda yang negatif. Langkah seterusnya ialah memperkukuhkan pegangan agama untuk memastikan generasi muda kita tidak melakukan perkara di luar batasan. Seterusnya generasi muda kini haruslah mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi dan menghormati budaya kaum lain supaya kita dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.

23. KEPENTINGAN SEMANGAT PATRIOTISME DALAM PROSES PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

Semangat patriotisme amatlah penting dalam proses pembinaan negara dan bangsa kerana boleh menjamin kedaulatan negara. Semangat nasionalisme yang utuh akan melahirkan warganegara yang setia kepada negara. Dalam hal ini, mereka rela berkorban demi menjaga keamanan negara. Misalnya, menyertai pasukan keselamatan untuk mempertahankan negara jika diancam musuh. Oleh itu, keselamatan negara akan terpelihara sekiranya rakyat mempunyai semangat patriotism yang tinggi.

Seterusnya, semangat patriotisme yang tinggi juga akan melahirkan rakyat yang berani menghadapi cabaran. Rakyat tidak gentar menerokai bidang baharu demi kemajuan negara. Misalnya dalam bidang perniagaan, sains dan teknologi. Mereka juga sanggup bersaing di persada antarabangsa demi mengharumkan nama negara. Misalnya, dalam bidang sukan, pemain Malaysia tidak gentar berhadapan dengan lawan yang lebih kuat dengan adanya semangat patriotik.

Selain itu, rakyat yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi akan berusaha menjaga kestabilan politik demi memelihara keamanan negara. Hal ini dapat dilakukan dengan menyokong dasar-dasar pembangunan kerajaan dan memelihara perpaduan antara kaum. Rakyat yang bersemangat patriotik tidak akan mengungkitkan isu-isu perkauman yang akan mengugat keharmonian. Oleh itu, kesejahteraan negara akan terpelihara.

Seterusnya, pemimpin yang memiliki semangat patriotisme akan berusaha memperkenalkan dasar pembangunan yang adil dan berkesan. Pemimpin akan berusaha meningkatkan taraf hidup seluruh rakyat Malaysia tanpa menira kaum, agama dan negeri. Pada masa yang sama, pemimpin yang patriotik sentiasa menjauhi amalan rasuah, penyelewengan dan kleptokrasi yang akan menggugat keharmonian negara. Dengan wujudnya pemimpin sedemikian, rakyat akan menyokong segala dasar pembangunan yang dilaksanakan.

Akhir sekali, semangat patriotisme warganegara Malaysia mampu mewujudkan semangat perpaduan yang mapan. Rakyat yang patriotik akan berganding bahu dalam usaha membangunkan negara. Hal ini menjadikan negara kita sebagai negara contoh kepada masyarakat dunia bahawa keharmonian dapat diwujudkan walaupun penduduknya berbilang kaum. Oleh yang demikian, proses pembinaan negara dan bangsa Malaysia semakin utuh dengan adanya rakyat yang patriotik.

24. KEPENTINGAN / KEBAIKAN / FAEDAH / MANFAAT SEMANGAT PERPADUAN DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Semangat perpaduan dapat melahirkan rakyat yang saling hormat-menghormati. Hal ini dapat menjamin peribadi utuh setiap warganegaranya agar dapat bertanggungjawab terhadap negaranya.

Selain itu semangat perpaduan dapat menyemarakkan semangat patriotisme rakyat agar berani berkorban demi negara. Hal ini sangat penting untuk menjaga kedaulatan negara daripada sebarang pencerobohan pihak luar yang cuba untuk menggugat ketenteraman negara seperti Daesh.

Semangat perpaduan dapat mengelakkan perasaan syak wasangka terhadap kaum lain agar semua rakyat dapat hidup dengan harmoni tanpa ada perbalahan antara kaum. Hal ini dapat melahirkan warganegara yang berjiwa Malaysia.

Semangat perpaduan juga penting untuk membentuk budaya kerja berpasukan agar dapat menyumbang khidmat bakti yang lebih bermutu. Hal ini dapat memartabatkan sistem pentadbiran kerajaan negara kita. Sebagai contohnya pihak kerajaan melakukan transformasi pentadbiran untuk menjadikan pentadbiran negara lebih cekap. Kesannya pentadbiran negara dapat diurus dengan sistematik dan lancar.

Semangat perpaduan yang utuh dapat mewujudkan masyarakat yang sentiasa menjunjung keluruhan perlembagaan agar membentuk sebuah negara yang aman sejahtera.

Hal ini membolehkan seseorang warganegara kita sentiasa bertindak mengikut undang-undang dan tidak mencetuskan ketegangan antara kaum.

Semangat perpaduan yang mendalam akan membentuk warganegara yang sentiasa menghargai tokoh-tokoh masyarakat yang pernah berjasa demi negara, sekaligus akan meneruskan legasi mereka dalam pengisian negara bangsa Malaysia.

Semangat perpaduan dapat mewujudkan perasaan bersyukur kerana keamanan, kemakmuran serta pengagihan kekayaan yang adil dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Semangat perpaduan dapat mewujudkan kesepakatan rakyat dalam menghormati lambang-lambang kebesaran negara, sekaligus membentuk masyarakat yang waras dengan tidak menyalahgunakan lambang sewenang-wenangnya.

25. KEUNIKAN ATAU KEISTIMEWAAN PROSES PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA YANG BERSATU PADU

Keunikan proses pembinaan negara bangsa Malaysia terbukti dalam penubuhan Sistem Ahli. Sistem Ahli adalah sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Kepentingan Sistem Ahli ini telah memulakan proses perpaduan kaum apabila kaum-kaum berbeza diberi tugas menjaga satu portfolio. Contohnya, Dato Onn Jaafar, Dr. Lee Tiang Keng, dan Dato EEC Thuarisingam menganggotai Sistem Ahli.

Keunikan proses pembinaan negara bangsa Malaysia terbukti dalam penubuhan Pakatan Murni. Pakatan Murni merupakan satu usaha semua kaum bekerjasama dan bertolak ansur politik melalui rundingan. Pakatan Murni telah mencorakkan suatu kerjasama apabila setiap tuntutan / masalah kaum diselesaikan melalui rundingan.

Kerjasama dan bertolak-ansur dalam Pakatan Murni bagi menyatu padukan kaum terbukti dalam kerjasama UMNO-MCA dalam pilihanraya Majlis Perbandaran di bandar-bandar utama, pilihanraya negeri. Penyatuan dan perpaduan kaum bertambah kukuh dengan penyertaan parti MIC dalam Parti Perikatan UMNO-MCA, seterusnya bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan.

Keunikan proses pembinaan negara bangsa Malaysia terbukti apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet yang dianggotai pelbagai kaum. Langkah ini membuktikan wujudnya kesepaduan dalam proses pembinaan negara bangsa Malaysia.

Wujudnya perasaan tolak ansur yang mengasaskan Kontrak Sosial apabila kerakyatan jus soli adalah untuk Rakyat Raja Melayu dan Rakyat British. Semua asas proses pembinaan negara bangsa Malaysia tidak melibatkan pertumpahan darah atau peperangan, sebaliknya melalui rundingan dan diplomasi. Contohnya, usaha menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) yang membuktikan kaum Melayu dan Cina kemudian pemimpin kaum lain telah memulakan kerjasama antara kaum di negara kita.

26. KEJAYAAN NEGARA KITA MENGELAK PERBALAHAN KAUM DAN ETNIK TELAH MENJADI CONTOH KEPADA NEGARA LAIN

Malaysia berjaya menjaga hak asasi kaum minoriti dengan menyediakan kemudahan asas sehingga tiada asasnya untuk golongan itu rasa terpinggir. Contohnya, kaum minoriti turut diberi peluang akses dalam sistem persekolahan, perubatan, pengangkutan dan perhubungan.

Bantuan kebajikan, sara hidup, bantuan berkala, subsidi turut dinikmati oleh semua kaum. Contohnya, subsidi baja pertanian untuk petani, subsidi diesel untuk nelayan, bantuan sara hidup kepada warga emas serta ibu tunggal telah memberi kepuasan kepada kumpulan sasaran. Usaha ini telah dicontoh negara lain.

Peluang perniagaan dibuka seluas-luasnya dengan sokongan kerajaan melalui pinjaman kredit, khidmat nasihat, kadar sewa, dan cukai yang berpatutan. Langkah ini telah melahirkan ramai usahawan berjaya yang sekaligus melahirkan masyarakat yang berdikari. Syarikat tempatan telah mula menembusi pasaran dan pelaburan antarabangsa. Langkah ini telah menjadi contoh kepada negara lain.

Rancangan pembangunan ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) turut dirasai di kawasan bandar dan luar bandar, sekaligus dapat mengeluarkan masyarakat daripada kepompong kemiskinan. Melalui DEB taraf hidup rakyat dapat dibaiki, membuka peluang kerja sehingga membawa kesejahteraan menyeluruh kepada rakyat. Usaha ini telah dicontoh negara lain.

Perkhidmatan perubatan percuma di hospital atau klinik kerajaan, persekolahan rendah dan menengah percuma dalam sistem pendidikan kebangsaan telah dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Langkah ini telah mengelak perasaan tidak puas hati rakyat kita sekaligus dicontohi oleh negara lain

27. LANGKAH / USAHA / CARA / KAEDAH / TINDAKAN UNTUK MENGEKALKAN PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

Antara usaha yang dapat dijalankan oleh kerajaan untuk mengekalkan perpaduan ialah melalui kempen-kempen kesedaran yang akan dilancarkan secara meluas. Jabatan kerajaan perlulah mengadakan kempen untuk menerangkan faedah kita hidup secara bersatu padu dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Contohnya seperti kempen penerapan nilai murni yang sering disiarkan melalui televisyen setiap petang.

Selain itu, pihak sekolah terutamanya pihak pengurusan sekolah, guru-guru dan seluruh kakitangan sekolah haruslah menunjukkan atau mempamerkan suasana perpaduan di kawasan sekolah. Hal ini akan dapat memberi gambaran kepada murid-murid bahawa pihak sekolah boleh menjadi contoh serta teladan yang perlu murid-murid ikuti. Contohnya, semasa menyambut sesuatu perayaan kaum atau hari kebesaran negara kita, pihak sekolah boleh memakai pakaian tradisional kaum lain dan turut sama meraikan perayaan tersebut.

Masyarakat juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengekalkan perpaduan. Masyarakat umum perlu memahami maksud perpaduan supaya perpaduan dapat diamalkan sekaligus menjadi budaya dalam kehidupan kita. Pemahaman yang jitu tentang perpaduan dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa peka serta berfikir tentang masyarakat disekeliling. Contohnya mereka akan saling bertegur sapa, berkongsi maklumat, dan menziarah antara satu sama lain.

Seterusnya, pelajar juga berperanan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat. Pelajar perlu menyemat elemen perpaduan dalam diri mereka. Di sekolah mereka mempelajari, diuji dalam peperiksaan dan mempraktikkan nilai-nilai murni berkaitan dengan perpaduan. Contohnya, nilai menghormati, kasih sayang, dan tolong menolong adalah intipati kepada pengekal perpaduan jika diamalkan selalu. Elemen perpaduan perlu bermula di peringkat diri sama ada di sekolah mahupun di rumah.

28. PERLEMBAGAAN NEGARA DAPAT MENGUKUHKAN PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA

Intipati perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani pada 1963 telah menstrukturkan kontrak sosial antara orang Melayu dan bukan Melayu serta amnya melibatkan negeri-negeri Melayu yang sudah merdeka pada tahun 1957 dengan negeri-negeri yang merdeka dalam Persekutuan Malaysia iaitu Singapura, Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Intipati perjanjian ini telah menggambarkan unsur tolenransi dan tolak ansur yang mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia. Pembentukan Malaysia yang menyaksikan kehadiran Sarawak, Sabah dan Singapura memberi kesan kepada kedudukan anak negeri dan diraikan dengan sebaik mungkin oleh perlembagaan.

Pembinaan negara dan bangsa begitu terkesan dengan perubahan landskap penghuni rakyat dan negaranya. Dalam menghadapi perubahan landskap rakyat itu, perlembagaan yang mahu dibentuk sendiri mempunyai peruntukan berkaitan hubungan dan perpaduan antara warganegara.

Selain itu, dari aspek Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia yang dipersetujui oleh negarawan kemerdekaan negara antaranya, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Loke dan Tun V T Sambanthan. Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan. Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Perlembagaan juga adalah lambang perpaduan kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara. Justeru bagi sesebuah negara, kemerdekaan dan kedaulatan adalah dua perkara penting menentukan maruah negara. Tanpa perlembagaan yang menjadi lambang kemerdekaan dan kedaulatan negara, nama sesebuah negara tidak akan tercatat dalam peta dunia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.

Di samping itu, Malaysia juga terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, di mana konsep Raja Berperlembagaan menjadi simbol perpaduan dan bahasa ibunda boleh dipelajari serta agama lain dapat diamalkan dan Perkara 153 juga menjamin kepentingan minoriti lainnya. Hakikatnya, tiada negara dalam dunia tidak memiliki kumpulan etnik yang menjadi pengasasnya. Ternyata daripada pembentukan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia juga adalah sebuah negara berasaskan etnik, anak watan Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dan warganegaranya terdiri daripada kepelbagaian etnik dan agama.

Oleh yang demikian, perkara tentang kebebasan amalan beragama telah dimuatkan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan dikuatkuasakan oleh Perkara 11. Perkara 3 yang mengiktiraf kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara tidak menghalang amalan agama lain selagi mana amalan agama tersebut tidak menyebabkan berlakunya keadaan tidak tenteram. Perkara 3 juga menggunakan formula aman dan damai dalam membenarkan kebebasan beragama kepada semua orang dalam negara ini

Prinsip aman dan damai ini telah dapat menjaga perhubungan agama di negara kita. Kebebasan beragama merupakan antara peruntukan penting dalam menjaga perhubungan antara warganegara di negara kita ini. Perlembagaan ini tidak memaksa penganut agama lain meninggalkan agama mereka. Kaum lain dibenarkan meneruskan amalan agama mereka selagi amalan agama itu tidak menggugat keamanan dan ketenteraman dalam negara

Seterusnya, bagi menjamin kestabilan antara penganut agama dalam negara ini, perlembagaan tidak membenarkan penyebaran agama-agama atau doktrin-doktrin lain dalam kalangan orang Islam. Ini ada disebut dalam Perkara 11(a) pengakhir Butiran 1, Senarai Negeri jadual Kesembilan Perlembagaan. Oleh itu, Persekutuan Perlembagaan tidak membenarkan penyebaran agama lain dalam kalangan majoriti penduduk Malaysia, iaitu masyarakat Islam. Ini kerana ia akan menggugat kedudukan agama Islam dan akidah orang Islam dan boleh menggugat keamanan dan ketenteraman. Ringkasnya, hasrat sebenar Perkara 11 (4) ini bukan sahaja menjaga kepentingan agama Islam tetapi juga perhubungan agama dalam negara ini.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah digubal dikatakan satu kontrak sosial di mana kaum Melayu dan bukan Melayu bersetuju dengan beberapa perkara yang sangat penting demi menjaga kestabilan negara. Perlembagaan Malaysia bukan sahaja merupakan

dokumen perundangan bahkan juga kontrak sosial dan perjanjian perdamaian. Melalui kontrak sosial ini orang bukan melayu diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berasaskan prinsip Jus Soli. Hak orang melayu dikekalkan dalam perlembagaan mengenai agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang melayu serta kedudukan Raja- raja Melayu. Akhirnya Draf Perlembagaan Malaysia telah diterima dan diistihyarkan sebagai Perlembagaan Tanah Melayu pada 31 ogos 1957.

Selain itu, perlembagaan kita juga menjamin hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Hal ini tidak boleh dipersoalkan seperti yang termaktub dan dipersetujui dalam Persekutuan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia.

Akhir kata, perlembagaan juga penting untuk mewujudkan integrasi nasional bagi mempercepatkan lagi proses pembentukan negara dan bangsa yang bersatu dan berdaulat. Perlembagaan juga adalah asas undang–undang di dalam sesebuah negara. Perlembagaan memainkan peranan yang besar dalam membentuk perjalanan pemerintahan negara Malaysia. Perlembagaan Malaysia yang panjang, terperinci, dan rumit namun memberi banyak manfaat kepada perjalanan pentadbiran negara. Perlembagaan merupakan tunjang utama dalam pentadbiran sesebuah negara. Malah perlembagaan memainkan peranan dalam membentuk dan mengekalkan keharmonian serta perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru, perlembagaan merupakan komponen penting dalam sesebuah negara.

29. PENDEKATAN / CARA TERBAIK DALAM MEMASTIKAN KONSEP NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA YANG KITA NIKMATI HARI INI DIPELIHARA / KEKAL

Pendekatan terbaik dalam memastikan konsep negara dan bangsa Malaysia yang kita nikmati hari ini dapat dipelihara adalah pertama sikap patriotisme boleh ditanam dalam kalangan pelajar melalui kesedaran, pendidikan dan pengetahuan.

Sistem pendidikan harus disesuaikan untuk memupuk rasa bangga dan kepunyaan bangsa. Rasa kepunyaan ialah unsur penting yang perlu dipupuk dan dipelihara dalam kalangan pelajar. Hanya melalui perasaan kepunyaan, generasi muda Malaysia boleh dibentuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan matang serta pemimpin masa depan negara. Kanak-kanak kecil boleh dibentuk dengan tidak melihat perkara melalui kanta berwarna. Letakkan anak-anak bersama-sama dan biarkan mereka membesar bersama supaya anak-anak akan dapat mengenali, memahami dan menghayati rakan mereka yang mempunyai warna kulit yang berbeza atau latar belakang keagamaan.

Generasi muda mesti dimaklumkan dengan kepentingan perpaduan, perpaduan sosial dan perdamaian kerana mereka adalah tonggak utama kejayaan dan pembangunan negara. Oleh sebab pelajar adalah pemimpin masa depan negara, penting untuk mereka menjalinkan hubungan lebih rapat walaupun terdapat perbezaan dalam bangsa, budaya dan agama.

Memupuk perpaduan harus bermula di sekolah untuk memupuk nilai-nilai keharmonian, perpaduan dan kedamaian antara kaum. mGuru perlu menggunakan kreativiti dan kemahiran supaya pelajar semua kaum mengambil bahagian dalam aktiviti bagi meningkatkan integrasi kaum. Pelajar perlu mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah dan

luar yang membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain dan membina persahabatan yang berkekalan.

Pengetua sekolah dan guru perlu menggalakkan pelajar memahami satu sama lain dengan lebih baik dan saling menghormati antara satu sama lain. Mereka mesti menjadi penggerak utama transformasi pendidikan kita, bukan sahaja untuk mengajar dan memberikan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga untuk menyatupadukan pelajar dari pelbagai kaum melalui aktiviti selaras dengan aspirasi Malaysia yang bersatu padu.

Selain itu, ibu bapa perlu memupuk dan mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian mereka untuk memberi inspirasi kepada anak untuk mencontohi kelakuan baik yang akan membantu mereka membina negara yang stabil. Nilai seperti kejujuran, integriti, toleransi, ketekunan, keadilan, menghormati orang tua dan kesedaran sivik mesti dikekalkan.

Sebagai rakyat secara umumnya, selepas 61 tahun kemerdekaan, kita rakyat Malaysia harus lebih bersatu kerana kita berkongsi harapan, aspirasi dan impian yang sama. Kita semua harus bangga mengenali diri kita sebagai rakyat Malaysia. Saya sentiasa percaya untuk menjadi rakyat Malaysia tidak menjadikan orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban atau Bidayuh kurang identiti masing-masing.

Perpaduan dan integrasi negara dapat lebih kuat dan lebih bersemangat menerusi penanaman nilai patriotisme. Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran apabila rakyatnya bersatu. Semua rakyat Malaysia, terutama generasi muda, perlu menghayati konsep perpaduan di bawah erti permuafakatan dengan setiap orang menerima keunikan orang lain supaya kita dapat hidup bersama dalam saling menghormati dan percaya. Ini kunci kepada negara yang aman dan kesejahteraan rakyat. Bangsa dan pembangunan negara tidak akan bermakna jika generasi muda tidak diserapkan dengan nilai-nilai yang sesuai untuk mengisi peranan warganegara dan kepemimpinan hari ini.

Di samping itu beberapa dasar negara perlu dihormati dengan sikap kebersamaan. Dasar Wawasan Negara (2001-2010) atau dikenali sebagai Wawasan 2020 merupakan usaha kerajaan untuk mengembangkan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat nasional dan antarabangsa serta menitikberatkan pembangunan menyeluruh dan meliputi aspek-aspek politik, ekonomi, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia diharapkan mampu menjadi sebuah negara yang bersatu padu di mana masyarakat Malaysia mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, penyayang, adil dan saksama, berkeyakinan serta mampu bersaing.

Konsep pembinaan negara bangsa menjadi semakin jelas dalam ucapan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991, atau lebih dikenali sebagai Wawasan 2020. Beliau menegaskan cabaran pertama dan paling asas dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju mengikut 'acuan sendiri' menjelang tahun 2020 ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan menumpukan taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Peranan Media massa merupakan satu saluran yang dapat menyampaikan mesej kepada orang ramai dengan efisien. Media massa boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu media cetak dan media elektronik. Menurut L. John Martin, media massa merujuk kepada alat yang interaksi sosial, politik, dan ekonomi dalam ukuran yang lebih moden. Media dapat menyampaikan maklumat, mendidik masyarakat serta menjadi medium perantaraan dalam sesuatu masyarakat (Vir Bala Aggarwal, 2002: xvii). Media memainkan peranan yang amat penting bagi memperbaiki hubungan antara kaum yang menjadi semakin buruk ini. Media cetak seperti surat khabar, majalah dan buku membantu menyedarkan maklumat kepada masyarakat.

Dengan memaparkan info mengenai sejarah, ciri-ciri kebudayaan dan agama kaum yang terdapat di dalam negara kita dalam ruangan akhbar, orang ramai dapat mengetahui dan memahami perbezaan antara satu sama lain. Justeru, rasa hormat-menghormati antara satu sama lain akan ditimbulkan dalam hati setiap individu.

Di samping itu, media elektronik seperti televisyen, radio, laman web dan lain-lain juga merupakan satu peralatan yang dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai dengan mudah. Media elektronik memainkan peranan dengan menayangkan iklan-iklan yang boleh memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat. Sebagai contohnya, kempen-kempen yang ingin dijalankan oleh kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan haruslah dibantu oleh media elektronik kerana saluran ini adalah alat yang berkesan dalam penyampaian maklumat pada zaman teknologi yang canggih ini. Peranan ini membolehkan orang ramai melibatkan diri dalam kempen berkenaan dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat kerajaan bagi menanam semangat perpaduan.

Hal yang berkaitan dengan negara bangsa sebenarnya lebih melibatkan soal manusia dan nilai yang tidak dapat diselesaikan hanya melalui pembangunan fizikal dan materialistik, malahan sasterawan sifatnya datang dari dunia batiniah manusia. Maka perancang dan penggubal dasar negara perlu dididik terlebih dahulu dalam tradisi bangsanya supaya mereka akan mengetahui pandangan hidup bangsanya yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Untuk mencapai matlamat itu, karya sastera di Malaysia harus mengandungi cita-cita patriotisme dan nasionalisme Malaysia yang bersifat terbuka dan progresif. Isi kandungannya perlu mengambil kira sejarah, kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia serta cabaran-cabaran baru yang muncul dalam dunia globalisasi ini.

Sastera kebangsaan harus memperjuangkan nilai-nilai yang baik di samping menggambarkan kehidupan semua kelompok etnik yang membentuk bangsa Malaysia. Sekiranya suatu karya itu menyentuh satu kumpulan etnik sahaja, maka pengarang harus sentiasa mengambil ingatan akan masyarakat yang lebih besar, yang perlu dicerminkan sekurang-kurangnya secara tersirat atau simbolik. Lanjutan itu, penggambaran watak-watak etnik lain itu haruslah bebas daripada stereotaip rasis.

Ringkasnya sastera kebangsaan harus mengandungi segala nilai baik yang boleh membantu mengukuhkan imej subjektif nasional, membantu mengembangkan kesedaran kolektif, serta perasaan sebagai sebahagian daripada komuniti nasional yang besar, yang mempunyai destini bersama.

Daripada huraian di atas, maka boleh dirumuskan bahawa peranan sastera kebangsaan dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia merangkumi dua aspek. Pertama penggunaan bahasa

Melayu untuk menyatakan ekspresi estetika dalam karya kreatif; hal ini penting menjadi dasar tentang perkongsian perkembangan bahasa.

Kedua, tema karya sastera Melayu itu yang memacarkan hubungan pelbagai kaum masyarakat Malaysia dalam usaha melahirkan kesedaran tentang kebersamaan kebudayaan, kepentingan dan sejarah.

Bagi kita masyarakat Malaysia bagi mengekalkan identiti konsep negara dan bangsa ini kita haruslah mengamalkan beberapa sikap. Pertama, berbangga menjadi seorang rakyat Malaysia. Setiap daripada kita hendaklah berbangga menjadi rakyat Malaysia tanpa mengira warna kulit, bahasa dan kepercayaan. Semua rakyat perlu mempertahankan nama baik negara dan berusaha untuk mengharumkan nama negara.

Dengan memiliki sikap berbangga sebagai rakyat Malaysia, kita akan sentiasa berusaha mengekalkan hubungan kita dengan rakyat Malaysia yang lain, walaupun berlainan kaum, kebudayaan dan kepercayaan. Pendek kata, sikap 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung' perlu diamalkan dan dijiwai sepenuhnya.

Sikap kedua bersifat setia dan sayang akan negara. Setiap daripada kita haruslah mempunyai sifat setia dan sayang akan negara dengan menghormati dan menunjukkan taat setia kepada raja dan para pemimpin negara.

Selain itu, kita juga mesti sayang dan hormat kepada lambang-lambang negara kita seperti Jalur Gemilang, Lagu Negaraku, Parlimen, Rukun Negara dan institusi lain yang berkaitan. Elakkan sikap yang boleh menghina, menjejaskan dan menimbulkan provokatif terhadap lambang-lambang negara kita kerana ini akan memperlihatkan sejauh mana sikap patriotisme kita sebagai warganegara Malaysia.

Sikap ketiga adalah mengamalkan bersikap kekitaan. Dalam kehidupan seharian, sama ada dengan jiran dan masyarakat, kita hendaklah mengamalkan sikap kekitaan. Kita hendaklah menunjukkan keikhlasan dalam menjalin hubungan dengan jiran dan anggota masyarakat yang berbeza warna kulit, kebudayaan dan agama. Dengan mengamalkan sikap kekitaan sesama kita, kita sebenarnya mewujudkan satu suasana hidup yang baik dan boleh menguntungkan kita semua di samping dapat memelihara soal keselamatan hidup setempat. Kesediaan kita mengamalkan sikap kekitaan akan menjadi contoh kepada generasi muda hari ini dan mereka juga akan terdorong untuk mengamalkannya. Hal ini tentunya akan dapat menjalin semangat perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat di negara ini. Lama kelamaan benteng prasangka dan prejudis yang bersarang di dada kita tentunya dapat dirobuhkan.

Sikap keempat adalah berdisiplin. Sikap berdisiplin turut penting dalam menunjukkan penerimaan kita terhadap kaum lain. Pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang negara, menunjukkan kita bersedia bersikap adil terhadap kaum lain dan menghormati amalan dan kepercayaan mereka serta hak mereka untuk hidup di negara ini. Sikap berdisiplin juga menunjukkan bahawa kita mahukan yang terbaik untuk kaum lain sebagaimana kita mahukan yang terbaik untuk diri kita. Hal ini akan mendorong kita untuk lebih bersikap bertolak ansur dan cuba memahami hak kaum lain.

Kita tidak akan memperjuangkan hak untuk kaum kita semata-mata dengan menindas atau membelakangkan hak yang sepatutnya turut diterima oleh kaum lain. Kita juga akan sentiasa bersedia untuk berkongsi dalam sesuatu perkara yang dibenarkan oleh budaya kita tanpa mengorbankan prinsip undang-undang dan keadilan.

Kesimpulannya, membina sebuah negara bangsa yang sempurna bukanlah tugas mudah apatah lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia. Dengan kepelbagaian kaum serta etnik dari latar sejarah, bahasa dan budaya yang berbeza serta diperkukuhkan pula oleh sentimen warisan berbeza menyumbang kepada munculnya persoalan dan masalah yang kompleks. Ibarat sebuah resepi masakan, negara bangsa bukanlah sekadar pelengkap rasa tetapi merupakan bahan utama bagi menghasilkan satu masakan yang bukan sekadar enak dan lazat malah menyihatkan.

Di sebalik kesukaran dan pelbagai alasan yang memungkinkan kegagalan mencapainya ia sebenarnya sesuatu yang tidak mustahil untuk dikecapi. Melalui pengalaman sejarah yang disalurkan secara sistematik khususnya melalui sektor pendidikan, impian untuk membentuk negara bangsa yang selama ini kita impikan akan menjadi kenyataan. Sesungguhnya, sejarah dan pendidikan mampu menjadi alat bagi membentuk sebuah bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri dan kesetiaan yang tidak berbelah

30. KESAN NEGATIF JIKA SEMANGAT PERPADUAN KURANG / GOYAH / MEROSOT / TERHAKIS DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

Kesan jika semangat perpaduan terhakis dalam kalangan rakyat Malaysia. Pertama, keamanan dan keharmonian kaum terjejas. Corak kehidupan individualistik yang terlalu mementingkan diri dan kelompok akan menghakis semangat perpaduan negara. Hal ini akan menyebabkan negara kita akan menjadi porak-peranda kerana sentimen perkauman yang melampau. Contohnya peristiwa 13 Mei 1969 yang memperlihatkan perpecahan kaum menyebabkan berlakunya huru-hara dan ketakutan dalam kalangan rakyat.

Seterusnya, negara tidak akan menerima pelaburan asing jika semangat perpaduan terhakis dalam kalangan rakyat Malaysia. Perpaduan asas kepada kekuatan kerajaan yang memerintah. Justeru, terhakisnya semangat perpaduan menyebabkan negara luar tidak yakin untuk melabur di negara Malaysia. Sudah tentu, pembangunan ekonomi negara akan terbantut dan peluang pekerjaan tertutup akhirnya akan menyebabkan masalah pengangguran, meningkat terutamanya graduan universiti.

Selain itu jika semangat perpaduan terhakis dalam kalangan rakyat Malaysia menyebabkan objektif Wawasan 2020 tidak akan tercapai. Cabaran pertama “Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Malaysia mesti menjadi sebuah negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam keharmonian, bekerjasama sepenuhnya secara adil, dan terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara. Secara tidak langsung negara maju yang di war-warkan mengikut acuan Malaysia tidak akan menjadi realiti.

Akhir sekali, keselamatan negara akan terjejas kerana semangat perpaduan terhakis dalam kalangan rakyat Malaysia. Negara akan mudah menerima ancaman daripada puak ekstrimis atau pihak pengganas. Kemungkinan besar elemen keganasan mudah menyerap

masuk ke dalam masyarakat Malaysia. Hal ini di sebabkan perpaduan yang terhakis dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan itu, ia akan menjejaskan negara Malaysia. Natijahnya, kerajaan terpaksa memperuntukan wang banyak untuk menangani masalah terorisme.

31. KEJAYAAN / KECEMERLANGAN NEGARA KITA HASIL DARIPADA SEMANGAT PERPADUAN KAUM. BUKTIKAN / JELASKAN

a) Semangat perpaduan kaum terbukti menghasilkan kejayaan melalui tolak ansur politik antara kaum di negara kita. Tiada rusuhan kaum berlaku dalam negara menjadikan ekonomi negara berkembang maju. Negara menjadi tumpuan pelabur kerana kestabilan politik. Negara kita menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan menubuhkan Rukun Tetangga untuk keharmonian bersama. Tiada peperangan dan keselamatan negara terkawal menjadikan negara terus makmur. Kita mengamalkan permuafakatan politik dengan sistem demokrasi yang sekaligus menjayakan semangat perpaduan, mengekalkan keamanan sekaligus menjadikan kita warganegara yang prihatin, dan saling menghormati antara kaum.

Semangat perpaduan kaum terbukti melalui dasar ekonomi negara yang berkembang pesat dan terkenal di mata dunia. Industri pelancongan berkembang maju dapat memberi pendapatan kepada negara. Malaysia menjadi pusat kecemerlangan Pendidikan dan sistem pengangkutan dan perhubungan diperluas untuk kecemerlangan negara.

Semangat perpaduan kaum terbukti menghasilkan kejayaan melalui sikap dan amalan tolak ansur dalam kehidupan harian rakyatnya. Rakyat Malaysia mengamalkan prinsip rukun negara seperti kesopanan dan kesusilaan. Kita bersatu padu dengan menggunakan bahasa kebangsaan yang sama iaitu Bahasa Melayu yang dapat berkomunikasi berkesan antara kaum. Kita sayang akan negara dengan merealisasikan budaya kebangsaan.

Semangat perpaduan kaum terbukti dalam sistem pendidikan kita melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan yang adil. Kita mengamalkan kebebasan beragama dan agama Islam menjadi agama negara. Kita menikmati kemakmuran yang saksama melalui dasar-dasar kerajaan seperti Dasar ekonomi Baru. Kita bersatu padu melalui penganjuran dan penyertaan dalam sukan seperti SUKMA.

Semangat perpaduan kaum dalam kepimpinan tokoh-tokoh pelbagai kaum yang cemerlang telah berjaya memulakan perpaduan kaum di negara kita. Mereka tidak memihak kepada mana-mana kaum semasa berlaku kes melibatkan isu kaum, sebaliknya bertindak mengikut perlembagaan. Mereka menjadi pemimpin yang amanah seperti tidak terlibat dengan rasuah. Mereka telah menjadi pemimpin yang bertolak ansur dan bijak berunding. Mereka menjadi pemimpin yang berwawasan dan merendah diri.

b) Kejayaan yang telah dikecapi oleh negara kita telah melibatkan semua kaum dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaulat seperti hari ini. Kejayaan menyekat perjuangan Komunis di Malaysia adalah hasil daripada perpaduan antara masyarakat Melayu, Cina, India, penduduk Sabah dan Sarawak. Perpaduan ini telah mengukuhkan lagi amalan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Malaysia membangun dengan penuh bergaya. Pembangunan yang dicapai begitu pantas dan dinamik. Kekukuhan ekonomi dan perpaduan kaum menjadi kunci kepada kejayaan ini. Rakyat menikmati agihan kestabilan politik, kemewahan ekonomi dan keadilan sosial yang sama dan seimbang. Peluang pendidikan yang menyeluruh terus memacu rakyat untuk menjadi bangsa yang moden, beradab dan dihormati. Malaysia harum di pentas dunia sebagai sebuah negara membangun yang maju dan stabil.

Beberapa mercu tanda seperti projek pengeluaran kereta nasional pertama Proton Saga yang merintis industri permotoran negara, pembinaan Menara berkembar Kuala Lumpur yang diiktiraf sebagai menara tertinggi di dunia, pembinaan litar Antarabangsa Sepang yang berjaya menaikkan imej negara khususnya Malaysia pernah menjadi penganjur sukan lumba kereta Formula One selain mengangkat nama Petronas dalam melahirkan tenaga mahir dalam bidang pemotoran. Semua ini hasil daripada semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Persediaan menghadapi bada langit terbuka telah dilakukan dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia agar setanding dengan Lembah Silikon di Amerika Syarikat. Pencapaian rakyat Malaysia juga tidak kurang hebatnya apabila sekumpulan pendaki Berjaya menawan puncak Everest pada 15 Mei 1997, berenang merentasi selat Inggeris pada 3 Ogos 2003, ekspedisi penerjunan di Kutub Utara pada 2003 dan pada 10 Oktober 2007, angkasawan Malaysia yang pertama telah di hantar ke Stesyen Angkasa Antarabangsa (ISS). Kesemua ini hasil daripada semangat perpaduan serta sokongan padu dalam kalangan rakyat Malaysia.

Selain itu, suara Malaysia didengar di persada antarabangsa apabila Malaysia mempelopori usaha menentang Dasar Apartheid di Afrika Selatan. Keamanan yang dicapai oleh negara bergolak melalui penyertaan Malaysia dalam misi PBB terbukti di negara Congo (1960-1963), Somalia (1993-1994), dan Timor Leste (2006). Segala pencapaian cemerlang negara kita adalah hasil daripada perpaduan rakyat dan kebijaksanaan pemimpin yang digembeling bersama untuk menjadikan Malaysia benar-benar cemerlang, gemilang dan terbilang.

32. SISTEM PENDIDIKAN MERUPAKAN SATU CARA UNTUK MEMBINA NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA. JELASKAN.

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Sistem pendidikan merupakan satu cara untuk membina negara dan bangsa Malaysia. Dasar pendidikan Kebangsaan (DPK) telah bermula semasa British memperkenalkan Sistem Ahli. **Laporan Barnes 1950** mencadangkan semua sekolah vernacular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan serta digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu Sekolah Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah dan bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah dan peringkat lebih tinggi. Namun cadangan ini ditentang oleh masyarakat Cina kerana menganggap bahasa ibunda mereka akan tergugat. **Laporan Fenn-wu 1951** yang mewakili masyarakat Cina terus kekal walaupun bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan.

Ordinan Pelajaran 1952 kemudiannya diperkenalkan dengan mengambil kira Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu. Ordinan ini mencadangkan dua sistem persekolahan yang menggunakan dua bahasa pengantar iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pengajaran Bahasa Cina dan Tamil akan disediakan sekiranya ada permintaan daripada ibu bapa. Bahasa Melayu diwajibkan diajar di sekolah Inggeris sebaliknya bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah Melayu. Walau bagaimanapun, Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dijalankan kerana tentangan orang Cina dan India, kekurangan kewangan dan ancaman penganas komunis pada ketika itu.

Pada tahun 1955, Kerajaan Perikatan telah membentuk sebuah **Jawatankuasa Pelajaran** yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak 1956. Jawatankuasa Pelajaran telah mengemukakan 2 elemen penting dalam dasar pendidikan negara, iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan.

Antara cadangan **Penyata Razak** termasuklah penubuhan sekolah umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan jenis umum (rendah) yang menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar. Sekolah menengah Melayu pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah menengah Inggeris menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah. Penyata Razak telah mengemukakan cadangan penting bagi pembentukan bangsa yang bersatu padu melalui satu dasar pendidikan yang menggambarkan perasaan dan harapan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu. Penyata Razak kemudiannya dijadikan **Ordinan Pelajaran 1957**.

Pada tahun 1960, Encik Abdul Rahman Haji Taib selaku Menteri Pelajaran telah mempengerusikan satu jawatankuasa untuk mengkaji Ordinan Pelajaran 1960. Laporan jawatankuasa tersebut dikenali sebagai **Laporan Rahman Talib 1960**. Beberapa syor baharu telah dicadangkan sebagai tambahan kepada penyata Razak. Untuk memupuk perpaduan kaum, sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan sementara sekolah jenis umum pula dijadikan sekolah jenis kebangsaan. Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama.

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan begitu jelas dan Laporan Rahman Talib, Sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada Bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah. Pelajaran agama Islam diajar di semua sekolah bantuan penuh kerajaan yang tidak kurang 15 pelajar Islam. Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar. Selain itu, semua peperiksaan akan diadakan dalam Bahasa kebangsaan. Syor-syor dalam Laporan Rahman Talib telah diterima dan digubal menjadi Akta Pelajaran 1961.

Selian itu, Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib dalam peperiksaan serta penekanan terhadap kokurikulum dan disiplin sebagai asas perpaduan. Pada tahun 1982, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula diperkenalkan pada tahun 1988. Kurikulum ini menekankan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek selaras dengan **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** agar Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat dilengkap. Usaha ini juga diharapkan dapat melahirkan warganegara Malaysia yang

berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Tuntasnya, Dasar Pendidikan Kebangsaan penting untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan, adat resam dan agama dan pendidikan.

Selain itu, pengenalan terhadap Akta Bahasa kebangsaan telah meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan bertujuan untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan menjamin perpaduan rakyat di Tanah Melayu. Kedudukan bahasa Melayu semakin kukuh apabila Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967. Pada tahun 1970, penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar di sekolah rendah dilakukan secara berperingkat- peringkat. Bermula pada tahun 1982, Bahasa Melayu menjadi Bahasa pengantar di semua sekolah untuk menggantikan Bahasa Inggeris. Bahasa Melayu mula digunakan di mahkamah pada tahun 1990.

33. HURAIKAN / JELASKAN / APAKAH IKTIBAR YANG ANDA PEROLEH DARIPADA KAJIAN ANDA TERHADAP PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA BERDAULAT. (10 MARKAH)

Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji adalah kita mestilah menguasai pelbagai ilmu pengetahuan agar menjadi pemimpin yang bijaksana. Kita mestilah mengamalkan sikap berkerjasama agar kata sepakat mudah dicapai. Kita hendaklah saling bertoleransi untuk meningkatkan persefahaman antara satu sama lain agar permuafakatan antara kaum dapat diwujudkan.

Seterusnya, kita mestilah bersatu padu agar dapat mengelakkan perselisihan faham antara kaum. Kita hendaklah mengamalkan budaya bangsa agar negara terus harmoni. Kita hendaklah saling menghormati antara satu sama lain agar kehidupan yang harmoni dapat diwujudkan. Kita hendaklah mematuhi ajaran agama dan tabah menghadapi cabaran agar negara maju. Kita mestilah bijak menyelesaikan masalah dengan mengutamakan rundingan dan diplomasi dalam semua perkara untuk mengelakkan perbalahan dan pertelingkahan antara kaum.

34. KEPENTINGAN MEMPELAJARI SEJARAH SEBAGAI CARA/WADAH DI DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA

Mata pelajaran sejarah dilihat sebagai tunjang pendidikan nasional. Dalam hal ini, pengetahuan sejarah khususnya sejarah nasional akan membolehkan sesuatu bangsa terutamanya generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap bangsa dan pembangunan negaranya.

Dengan keprihatinan terhadap sejarah secara tidak langsung membolehkan seseorang itu menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara. Melalui pendidikan sejarah,

pengalaman masa lampau merupakan satu rujukan terbaik bagi generasi masa kini dan akan datang membentuk sebuah negara bangsa.

Selain itu mata pelajaran sejarah bertujuan untuk memperkukuh semangat setia negara dan jatidiri sebagai warganegara Malaysia Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air pelajar-pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal.

Seterusnya menerusi pendidikan Sejarah, patriotisme merupakan elemen utama dalam pendidikan sejarah yang bertujuan membina kesedaran dan mengukuhkan semangat perjuangan dan cintakan bangsa dan negara. Elemen tersebut bermatlamat melahirkan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, sedia berbakti dan sanggup berkorban untuk kepentingan negara.

Sejarah juga boleh dijadikan asas rujukan penting bagi membina aspirasi baru untuk membangunkan maruah, martabat dan kewibawaan sesuatu bangsa. Pendidikan sejarah juga dapat memainkan peranan dalam pembinaan negara bangsa apabila dapat mencetuskan inspirasi melalui tema-tema yang terdapat dalam sukatan kandungan matapelajaran tersebut.

Pendidikan sejarah juga berfungsi menerapkan nilai kewarganegaraan dan membentuk generasi muda menjadi warganegara yang berguna kepada bangsa dan negara. Nilai kewarganegaraan ini meliputi kebanggaan sebagai rakyat Malaysia, bersemangat setia negara, bersemangat kekitaan.

35. PERPADUAN MELALUI SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Perpaduan di dalam pendidikan dapat dilihat di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan memberi sumbangan terhadap kemakmuran masyarakat dan negara. Seterusnya melalui Sekolah Kebangsaan, perpaduan diterapkan melalui Dasar Sekolah Kebangsaan dengan pelajar pelbagai kaum di bawah satu bumbung.

Selain itu perpaduan dapat diterapkan melalui Kurikulum Bersepadu. Penggunaan dan penghayatan kurikulum bersepadu dapat membentuk sahsiah, keperibadian dan perwatakan murid yang berkualiti bagi memupuk perpaduan.

Melalui Kelab Rukun Negara di sekolah, pengetahuan, pemahaman dan penghayatan para pelajar terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara ke arah menjana semangat perpaduan yang lebih jitu dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

36. USAHA /LANGKAH/CARA/KAEDAH MEMUPUK PERPADUAN

Rakyat haruslah bergaul dan memupuk persefahaman antara kaum. Dalam keadaan tersebut, ibu bapa perlulah sentiasa menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Anak-anak digalakkan berkomunikasi dengan jiran yang berlainan bangsa dan ibu bapa juga disarankan membawa anak-anak mereka mengunjungi rumah jiran semasa sambutan hari perayaan.

Pihak yang bertanggungjawab perlu menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, Program Rukun Tetangga, dan kempen Bulan Kemerdekaan untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum dan memupuk semangat kerjasama.

Semua rakyat perlulah menghindari sebarang tindakan yang boleh mencetuskan provokasi kaum seperti mencetuskan isu-isu sensitif yang merosakkan rasa muhibah dan perpaduan. Seluruh rakyat Malaysia hendaklah meraikan sambutan perayaan kaum-kaum di Malaysia secara bersama-sama. Sebagai contohnya mengadakan rumah terbuka semasa sambutan Hari Raya.

Pemupukan perpaduan juga menggunakan bahasa kebangsaan untuk mewujudkan perpaduan dan rasa harmoni antara kaum di negara ini. Selain itu semua rakyat mematuhi undang-undang dan tidak terpengaruh dengan anasir luar. Selain itu rakyat juga perlu menghargai jasa tokoh yang telah banyak berjuang bagi mendapatkan kemerdekaan tanah air dan perpaduan negara.

37. RUMUSAN TENTANG PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA YANG BERDAULAT. (5 MARKAH)

Melalui kajian ini, bukan perkara yang mudah untuk membina sebuah negara bangsa yang merdeka seperti negara Malaysia yang kita cintai. Kejayaan pembentukan negara dan bangsa di Malaysia bergantung kepada kesediaan setiap warga negara yang terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan sikap tolak ansur dan pemuafakatan. Setiap kaum mesti sanggup berkongsi secara bijak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial bagi memperkukuh pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

Kebijaksanaan pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman menjadikan negara bangsa Malaysia satu realiti. Oleh itu masyarakat hari ini perlu menghargai sumbangan tokoh terdahulu yang berjuang memerdekakan negara. Justeru itu, nilai kerjasama merupakan elemen penting bagi pembinaan sebuah negara yang aman makmur yang terdiri daripada pelbagai bangsa didalamnya.

Malaysia telah menjadi negara ikon diseluruh dunia kerana keamanan dan kestabilan politiknya dan menjadi harapan agar rakyat Malaysia terus saling hormat menghormati dan meningkatkan semangat cintakan tanah air agar negara terus kekal berdaulat. Lantas negara dapat dijadikan contoh negara majmuk yang harmoni di persada dunia.

